



Selamat Hari Kebangsaan



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 31 OGOS - 6 SEPTEMBER 2023

www.selangorkini.my

Sultan: Henti fitnah isu sekolah agama

MUKA 2

#KitaSelangor

KDEB WASTE MANAGEMENT

APLIKASI I-CLEAN SELANGOR

Memudahkan Anda Menyalurkan Aduan Terus Kepada Kami

2023 PC.com BEST

Pendaftaran Mudah, Lebih Cekap, Maklum Balas Awal

MUAT TURUN SEKARANG!

Download on the App Store, ANDROID APP ON Google play

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN 1-800-88-2824



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj (duduk, tengah) berkenan mempengerusi mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) ke-70 di Masjid Negeri, Shah Alam pada 28 Ogos 2023. Hadir sama, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (duduk, lima kiri) dan Menteri Agama Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar (lima, kanan). Foto BERNAMA

pancawarna

Rukun Negara ideologi kebangsaan


Agong ke-IV warta prinsip penyatuan elak sengketa agama, kaum



10

Jejak penyatuan negeri-negeri Melayu

Kuala Lumpur simbol makmur, perpaduan gabungan wilayah



11

Filem serlah aksi tempur askar di Somalia

Hairul Azreen timba pengalaman aksi sebenar dengan wira Malbatt



14

Jadi mempengaruhi bertanggungjawab

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar mengucapkan tahniah kepada Khairul Amin Kamarulzaman yang dinobatkan sebagai 'Creator of The Year' oleh TikTok Malaysia.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata kejayaan mempengaruhi yang dikenali sebagai Khairul Aming itu adalah motivasi terbaik kepada anak muda khususnya di negeri ini untuk menjadi pencipta kandungan bertanggungjawab di era media sosial.

"Saya meneliti ucapan penghargaan beliau (pada 27 Ogos) dan memuji pesanan saudara Khairul Aming yang menekankan bahawa pencipta kandungan juga perlu mempunyai adab dan kebolehan untuk menyelesaikan masalah.

"Tauladan dan nasihatnya adalah motivasi terbaik buat anak-anak muda khususnya di Selangor.

"Di era dunia media sosial yang rancak ini, kesopanan, adab dan pendidikan adalah penting dalam membangun masyarakat yang berbudi pekerti," katanya pada 28 Ogos.

65,000 nikmati tuisyen percuma

SHAH ALAM - Seramai 65,000 anak Selangor menikmati manfaat tuisyen percuma negeri sejak ia diperkenalkan pada 2010.

Dato' Menteri Besar menjelaskan sebanyak RM7 juta diperuntukkan tahun lalu bagi menjayakan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) selain pelajar turut diberi makan tengah hari percuma.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata penambahbaikan program berkenaan dibuat bagi memastikan kebajikan mereka sentiasa terjaga.

"Ketika PTRS diperkenalkan (2010), seramai 6,500 anak negeri diberi tuisyen percuma dengan peruntukan sekitar RM6 juta.

"Kini 65,000 anak negeri menikmati tuisyen percuma dengan dana yang hampir sama jumlahnya," katanya di Facebook pada 25 Ogos.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Kurnia watakah lantikan anggota Mais

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor berkenan mengurniakan watakah pelantikan anggota Majlis Agama Islam Selangor (Mais) kepada EXCO agama baharu pada 29 Ogos.

Dalam majlis istiadat yang berlangsung di Istana Kayangan di sini, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menyerahkan watakah berkenaan ke-

pada Dr Mohammad Fahmi Ngah bagi penggal 2021-2023.

Baginda turut menyerahkan watakah pelantikan anggota panel tetap hakim rayuan syariah negeri 2023-2026 kepada Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Datuk Mohd Amran Mat Zain.

Turut menerima watakah sama ialah

Hakim Syarie Noor Hadina Ahmad Zabi-di dan Datuk Abas Nordin, selain enam individu daripada Jabatan Kehakiman Syariah Selangor membabitkan pelbagai jawatan.

Dalam majlis sama, tiga timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan sebelas pegawai Jabatan Agama Islam Selangor turut menerima watakah.

Gesa polis kesan pemfitnah

Titah daftar sekolah agama, pusat tahfiz

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berharap polis segera mengesan kumpulan yang melempar fitnah kononnya pusat tahfiz dan sekolah agama persendirian di negeri ini ditutup.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah tohmahan itu menimbulkan kerisauan ibu bapa dan menghakik kepercayaan umat Islam terhadap institusi dan pihak berkuasa agama di negeri ini.

Baginda menitahkan golongan yang melempar fitnah tersebut agar memberhenti perbuatan khianat dan tidak bertanggungjawab itu sebaliknya mendapatkan fakta tepat sebelum membuat tuduhan.

"Beta mohon pihak polis segera mengesan kumpulan pemfitnah ini dan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

"Pada hakikatnya, Beta menitahkan agar langkah pemutihan diambil terhadap sekolah-sekolah agama dan tahfiz swasta dan persendirian tidak berdaftar dengan mengarahkan pendaftaran dibuat.

"(Ini) bagi memastikan sekolah-sekolah ini selamat dari segi ciri-ciri keselamatanannya dan mempunyai suasana pembelajaran selesa untuk pelajar menimba ilmu," titah Baginda dalam mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) ke-70 di sini pada 28 Ogos.

Titah itu merujuk fitnah terhadap pihak berkuasa agama negeri dan pihak berkuasa tempatan Selangor kononnya lebih 200 sekolah tahfiz diarah tutup hingga mengakibatkan beribu-ribu pelajar hilang tempat belajar.

Menjelang pilihan raya negeri (PRN) baru-baru ini, beberapa badan bukan kerajaan mendakwa kononnya Kerajaan Selangor menutup sekolah agama persendirian di negeri ini.

Pada 6 Julai, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menegaskan tiada satu pun notis penutupan dibuat. Beliau juga terpaksa mengulangi penafian itu berikutan fitnah tersebut berterusan selepas PRN.

Prapendaftaran guna data awam

SHAH ALAM - Nama yang tertera dalam sistem Skim Insurans Am Selangor (INSAN) hanya prapendaftaran, jelas Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata proses menggunakan data awam itu bertujuan mengelak pendaftaran satu demi satu yang mengambil masa panjang sebelum polisi tersebut diserahkan kepada penerima.

"Sebab itu, bagi mereka yang telah dapat prapendaftaran, mereka perlu mengesahkan dengan swafoto dan kad pengenalan masing-masing untuk mengesahkan pendaftaran," katanya

pada 23 Ogos.

Amirudin menjawab kekeliruan dalam media sosial berikutan orang ramai mendapati nama mereka ada dalam sistem skim berkenaan sekalipun tidak mendaftar.

Beliau menambah pihaknya juga akan mengetatkan kawalan jika ada sebarang pelanggaran manakala orang ramai pula boleh memilih untuk menerima skim itu atau sebaliknya.

"Kita akan mantapkan kawalan terutama jika berlaku pelanggaran. Tapi apa yang berlaku adalah prapendaftaran.

Kalau tak nak, tak payah ambil polisi (itu)," katanya.

Diperkenalkan tahun lalu, INSAN yang menyasar enam juta rakyat memberi perlindungan sehingga RM10,000 bagi kes hilang keupayaan kekal dan kematian disebabkan kemalangan.

Awal bulan ini, INSAN ditambah baik dengan menawarkan Skim INSAN Takaful yang memberi perlindungan sehingga RM10,000 manakala waris sebanyak RM1,000 jika berlaku kematian.

PENJELASAN INSAN MUKA 4

Bina 200,000 rumah hingga 2028

SHAH ALAM - Sebanyak 200,000 rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah (B40) akan dibina sepanjang lima tahun ini.

EXCO Perumahan Borhan Aman Shah berkata projek itu tertumpu sekitar kawasan pinggir bandar demi memastikan pembangunan negeri seimbang.

"Matlamat kita dalam penggal ini untuk membantu lebih ramai rakyat Se-

langor memiliki rumah sendiri dengan harga mampu milik dan berkualiti.

"Jadi dalam penggal ini kita mahu bina 200,000 unit rumah termasuk projek yang dirancang dan pembinaan baharu," katanya pada 24 Ogos.

Borhan berkata matlamat berkenaan seiring saranan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu negeri ini membina lebih banyak kediaman

buat golongan B40.

"Mekanisme pembinaan dan gerak kerja akan dibincang lebih lanjut bersama Lembaga Perumahan Hartanah Selangor dalam masa terdekat," katanya.

Awal bulan ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Kerajaan Negeri membina 171,000 rumah sepanjang lima tahun pentadbiran Pakatan Harapan sejak 2018.



Selamat Menyambut Hari
KEMERDEKAAN KE 66
& Selamat Hari Malaysia Ke 60

Daripada
YAB Dato' Seri Amirudin Shari
Dato' Menteri Besar Selangor



Tawaran hingga RM20,000

Lindungi penduduk negeri

SHAH ALAM - Pelaksanaan Skim Insurans Am Selangor (INSAN) bertujuan menyediakan perlindungan kepada penduduk negeri ini yang mengalami kecederaan atau kematian akibat kemalangan.

Selangor satu-satunya negeri yang menawarkan skim percuma itu dan terkandung dalam Iltizam Selangor Penyayang yang memberi manfaat kepada rakyat negeri ini.

Berikut ringkasan maklumat skim tersebut:

1. Apakah Skim Insurans Am Selangor (INSAN)?

Inisiatif Kerajaan Negeri sejak 1 Oktober 2022 untuk beri perlindungan insurans kemalangan diri berkumpulan secara percuma kepada enam juta rakyat berumur 30 hari hingga 80 tahun.

2. Apakah insurans kemalangan diri berkumpulan?

Pelan insurans am secara berkelompok untuk lindungi kehilangan upaya kekal atau kematian akibat nahas.

3. Siapakah yang layak menerima perlindungan INSAN?

Pemegang kad pengenalan kod negeri Selangor, beralamat di negeri ini atau pengundi berdaftar di sini layak terima perlindungan tersebut.

4. Bagaimana membuat permohonan?

Muat turun aplikasi e-Wallet Wavpay atau daftar di pejabat Ahli Dewan Ne-

geri Selangor.

5. Bilakah tarikh akhir pendaftaran?

Tarikh akhir untuk skim konvensional pada 30 September 2023, manakala tarikh akhir bagi INSAN takaful pada 3 Ogos 2024.

6. Adakah pelaksanaan INSAN melanggar Akta Perlindungan Data Peribadi 2010?

Pendaftaran tidak melanggar Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 kerana Seksyen 3(1) akta tersebut tidak terpakai ke atas Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

7. Apakah yang dimaksudkan kaedah prapendaftaran?

Kaedah padanan maklumat kad pengenalan dengan data Suruhanjaya Pilihan Raya. Bagi pelajar 7 tahun hingga 19 tahun dan kanak-kanak (30 hari hingga 6 tahun setakat Mei), pengesahan dibuat Pejabat DUN atau aplikasi Wavpay.

8. Mengapa kaedah prapendaftaran digunakan?

Kaedah tersebut dijalankan bagi mendigitalkan sistem perkhidmatan kerajaan sekali gus memudahkan urusan antara rakyat dan kerajaan.

9. Apakah maksud pengesahan diri dan setuju terima tawaran?

Setiap penama perlu sahkan terima tawaran ini dengan muat naik swafoto

bersama salinan (imej) kad pengenalan sebelum menjadi pemegang polisi yang sah.

10. Apakah bentuk perlindungan dalam INSAN?

Untuk kematian atau hilang upaya kekal:

- Skim konvensional – perlindungan RM10,000.
- Skim takaful – perlindungan RM10,000 hingga RM20,000.
- Tambahan RM1,000 untuk kos pengebumian skim tafakul dan konvensional.
- Skim takaful turut sediakan RM50 sehari selama sebulan bagi rawatan di wad.

11. Apakah beza antara INSAN konvensional atau takaful?

Skim INSAN Takaful disediakan oleh Takaful Ikhlas General Berhad, manakala skim konvensional disediakan AmGeneral Insurance Berhad.

12. Apakah yang dimaksudkan dengan liputan perlindungan (blanket coverage)?

Semasa membuat tuntutan, penuntut atau waris pemegang polisi mesti penuhi satu daripada tiga kriteria: kad pengenalan berkod Selangor atau beralamat di Selangor atau pengundi di Selangor.

13. Apakah yang dimaksudkan dengan pemegang polisi induk?

Pemegang polisi induk ialah Wavpay Fintech Holding Sdn Bhd. Syarikat itu mengeluarkan sijil perlindungan untuk

pemegang polisi. Jika hilang, pemegang polisi boleh mendapatkan salinan daripada syarikat ini.

14. Apakah prosedur membuat tuntutan INSAN?

Pemegang polisi perlu melengkapkan beberapa dokumen dan borang di laman sesawang www.programinsan.com/tuntutan

15. Apakah peranan Wavpay, AmGeneral Insurance Bhd dan Takaful Ikhlas General Bhd dalam INSAN?

Wavpay bukan penyedia insurans/takaful tetapi pengendali perkhidmatan yang bertanggungjawab mengakses polisi yang ditawarkan AmGeneral Insurance Bhd dan Takaful Ikhlas General Bhd.

16. Mengapakah Wavpay dipilih sebagai pengendali perkhidmatan?

Wavpay adalah syarikat e-dompet yang diluluskan Bank Negara Malaysia dan dipersetujui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mengalih sistem urusan dengan rakyat kepada nirtunai (cashless). Syarikat itu milik bersama Kerajaan Negeri.

17. Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri untuk INSAN?

INSAN antara program dalam Iltizam Selangor Penyayang. Sebanyak RM12 juta diperuntuk Kerajaan Selangor bagi INSAN konvensional, manakala RM9 juta untuk perlindungan skim takaful.

Insurans percuma manfaat 6 juta rakyat

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI, agensi pelaksanaan Skim Insurans Am Selangor (INSAN), menolak tohmahan mereka yang memburuk-burukkan usaha melindungi penduduk negeri ini.

Memanfaatkan enam juta penduduk Selangor, INSAN antara inisiatif Kerajaan Negeri bagi mengurangkan beban kewangan rakyat pada masa sukar jika berlaku kemalangan atau kematian.

Tindakan tersebut selaras laporan peningkatan bilangan nahas jalan raya di Malaysia, daripada 370,286 kes pada 2021 kepada 545,588 kejadian pada ta-

hun lalu.

Dalam kenyataannya pada 24 Ogos, MBI menegaskan:

- tidak berlaku kebocoran data kerana INSAN dilindungi Kerajaan Selangor,
- kaedah prapendaftaran tidak melanggar Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 kerana Seksyen 3(1) menyatakan Kerajaan Negeri dibenarkan mengendali maklumat tersebut,
- prapendaftaran penama dalam polisi dibuat automatik dengan padanan maklumat daftar pemilih Suruhjaya

Pilihan Raya,

- namun, penama perlu menyempurnakan proses pengesahan diri melalui swafoto dan muat naik imej kad pengenalan sebagai tanda setuju terima tawaran,
- tuntutan untuk kematian atau hilang upaya kekal tidak diberi jika tiada pengesahan diri penama,
- skim konvensional tawar perlindungan RM10,000 tetapi skim takaful tawar manfaat hingga RM20,000 untuk kematian atau hilang upaya kekal,
- selain itu, tambahan RM1,000 untuk

kos pengebumian. Skim takaful disediakan lebih manfaat, RM50 sehari selama sebulan bagi rawatan di wad,

- skim konvensional disediakan AmGeneral Insurance Berhad, sementara skim takaful diurus Takaful Ikhlas General Berhad.

Setakat Julai, menurut MBI lagi, sebanyak RM537,000 pampasan diberikan kepada 44 penerima skim INSAN yang telah berjaya membuat tuntutan.

MBI adalah agensi pelaksana INSAN, manakala Wavpay Fintech Holding Sdn Berhad pula pengendali perkhidmatan yang memudahkan pemegang polisi.

WAKTU SOLAT	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat								Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak			
31 Khamis	5:50	6:00	7:07	1:17	4:26	7:21	8:31	5:51	6:01	7:08	1:17	4:27	7:21	8:31	5:52	6:02	7:09	1:19	4:27	7:23	8:33			
01 Jumaat	5:50	6:00	7:07	1:16	4:25	7:21	8:30	5:51	6:01	7:08	1:17	4:26	7:21	8:30	5:52	6:02	7:08	1:19	4:26	7:23	8:33			
02 Sabtu	5:50	6:00	7:07	1:16	4:24	7:20	8:30	5:51	6:01	7:08	1:16	4:25	7:20	8:30	5:52	6:02	7:08	1:18	4:26	7:23	8:32			
03 Ahad	5:49	5:59	7:06	1:16	4:23	7:20	8:29	5:51	6:01	7:07	1:16	4:24	7:20	8:30	5:52	6:02	7:08	1:18	4:25	7:22	8:32			
04 Isnin	5:49	5:59	7:06	1:15	4:22	7:19	8:29	5:50	6:00	7:07	1:16	4:23	7:20	8:29	5:52	6:02	7:08	1:18	4:24	7:22	8:31			
05 Selasa	5:49	5:59	7:06	1:15	4:21	7:19	8:28	5:50	6:00	7:07	1:15	4:22	7:19	8:29	5:51	6:01	7:07	1:17	4:23	7:21	8:31			
06 Rabu	5:49	5:59	7:06	1:15	4:20	7:19	8:28	5:50	6:00	7:07	1:15	4:21	7:19	8:28	5:51	6:01	7:07	1:17	4:22	7:21	8:30			

31 Ogos - 6 Sept 2023
14 - 20 SAFAR 1445



Selamat Menyambut HARI KEMERDEKAAN KE-66 & HARI MALAYSIA



Guna data untuk urusan rasmi

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri boleh menggunakan data peribadi rakyat untuk sebarang urusan rasmi berdasarkan peruntukan Seksyen 3 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

"Jika kita perincikan Seksyen 3 menyatakannya itu tidak diterima pakai terhadap kerajaan persekutuan atau Kerajaan Negeri," kata peguam kanan Mohamed Haniff Khatri Abdulla pada 25 Ogos.

Beliau berkata Kerajaan Selangor juga tidak perlu memohon kebenaran untuk menggunakan data peribadi rakyat bagi program seperti Skim Insurans Am Selangor (INSAN), lapor Sinar Harian.

Katanya, Kerajaan Negeri hanya menyerahkan data tersebut kepada syarikat yang mengendalikan inisiatif berkenaan dan turut dipertanggungjawab untuk melindungi data berkenaan.

100 syarikat sertai pameran udara

SHAH ALAM - Lebih 100 pempamer dari dalam dan luar negara dijangka menyertai Pameran Udara Selangor (SAS) edisi ketiga pada 7 hingga 9 September ini.

Ketua pegawai eksekutif Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) berkata antara negara yang sah menyertai Amerika Syarikat, Perancis, Denmark, German, Republik Czech dan Australia.

"Kita jangka 114 pempamer akan sertai SAS 2023. Jumlah ini hampir sekali ganda lebih daripada jumlah tahun lalu seramai 62 pempamer.

"Kali ini Persekutuan Sukan Udara Malaysia turut menjemput negara jiran termasuk Iran, Thailand, Jepun, Hong Kong, Korea Selatan bagi menyertai persidangan sukan udara Asia," kata Dato' Hasan Azhari Idris pada 28 Ogos.

Turapan jalan mega diteruskan

SHAH ALAM - Kerja membaiki pulih jalan di seluruh negeri menerusi Projek Turapan Mega Selangor, sejak Mei lalu diteruskan ke lokasi baharu di Sepang.

Syarikat selenggara jalan negeri, Infracel Sdn Bhd (Infracel) memaklumkan, kerja baik pulih jalan raya sedang dilaksanakan di laluan Jalan 1 Labu Lanjut dan Jalan B48 Jenderam - Sepang, sejak 25 Ogos.

"Pada 27 Ogos, #TeamInfracel sedang melaksanakan kerja-kerja membaiki pulih permukaan jalan di laluan Jalan 1 Labu Lanjut, Daerah Sepang.

"Pada 25 Ogos, #Infracel baru sahaja 'kick off' kerja-kerja TurapanMegaSelangor2023 di Jalan B48 Jenderam- Sepang. Nantikan Jalan Jenderam-Sepang yang lebih baik," maklumnya di laman X pada 28 Ogos.

Sebelum ini projek sama dilaksana di Kuala Langat, Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Hulu Selangor, Gombak dan Petaling.

Pastikan penghuni strata hidup selesa

AMPANG JAYA - Kerajaan Negeri berusaha memastikan penghuni perumahan strata menikmati kehidupan selesa menerusi penganjuran pelbagai program setiap tahun.

EXCO Perumahan Borhan Aman Shah berkata ia termasuk pendidikan, skim bantuan baik pulih serta beberapa aktiviti sokongan bagi memudahkan urusan tadbir harian.

"Program pertama ialah program pendidikan. Ia dilaksana secara kolar-

aborasi antara Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) serta Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB).

"Selain itu, program baik pulih di bawah Skim Ceria pula dilaksanakan sejak 2011 dan sebanyak RM123.7 juta diperuntuk pada 2023," katanya dalam Majlis Anugerah Perumahan Berstrata Terbersih dan Terindah Ampang Jaya 2023 pada 25 Ogos.

Borhan menambah pentadbiran negeri turut menawarkan penggantian

dan pemasangan sistem lampu diod pemancar cahaya (LED) atau solar menerusi Inisiatif Bangunan Hijau Ke Arah Kesejahteraan Bandar.

Beliau berkata program tersebut dapat menjimatkan tenaga elektrik dan pengurangan bayaran bil bulanan bangunan dalam tempoh panjang.

"Ada beberapa kriteria yang perlu dipenuhi. Badan Pengurusan Bersama yang berminat boleh membuat permohonan," katanya.

Pertunjukan pesawat sasar lebih 20,000 pengunjung

Potensi transaksi niaga RM700 juta

Oleh **NINA FARZUIN MD SHAROM**

SHAH ALAM - Pameran Udara Selangor (SAS) 2023 yang dijadual berlangsung mulai 7 September di Skypark RAC, Bukit Jelutong disasar meraih potensi nilai transaksi RM700 juta.

Ketua pegawai eksekutif Invest Selangor Berhad berkata sasaran itu berdasarkan perjanjian jual beli dalam bidang perkhidmatan, pembuatan dan pesawat ringan yang dimeterai sebelum ini.

Dato' Hasan Azhari Idris turut menjangka program selama tiga hari berte-

makan 'Satu-satunya Pertunjukan dan Perniagaan Penerbangan di Rantau Ini' bakal menarik lebih 20,000 pengunjung.

"Sambutan kali ini di luar jangkauan, melebihi sasaran 10,000 pengunjung seperti edisi lalu sehingga kami terpaksa menutup pendaftaran berikutan ruang lokasi yang agak terhad.

"Kita berharap penganjuran acara ini akan terus menarik lebih banyak penyer-taan daripada syarikat antarabangsa dan tempatan bagi mengembangkan lagi industri aeroangkasa," katanya pada 29 Ogos.

Beliau memaklumkan SAS akan me-

mpatkan 41 pameran pesawat statik dan disertai 117 pempamer dari enam negara iaitu Amerika Syarikat, Perancis, Denmark, Singapura, Australia dan Hong Kong.

Berbeza dengan edisi lalu, Hasan Azhari berkata beberapa aktiviti baharu bakal diperkenalkan antaranya sukan udara dron selain karnival kerjaya melibatkan 20 syarikat penerbangan.

Dalam pada itu, beliau meminta orang ramai yang ingin menghadiri pameran tersebut untuk meletak kenderaan di Stadium Shah Alam dan menggunakan bas perantara yang disediakan.

Tumpu bimbingan usahawan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memberi tumpuan untuk membangunkan usahawan menerusi ekonomi kreatif supaya lebih berdaya maju.

EXCO Pemberdayaan Usahawan Najwan Halimi berkata sektor berkenaan penting untuk menyediakan peluang, inovasi dan pemerkasaan usahawan khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Salah satu petunjuk prestasi utama (KPI) utama saya bawah portfolio usahawan ialah pembangunan ekonomi kreatif yang mengikut peredaran zaman.

"Perniagaan usahawan tidak lagi bergantung sepenuhnya konsep konvensional seperti keperluan premis, kedai tetapi beralih ke digitalisasi di mana berniaga dalam talian dari rumah boleh jana pendapatan," katanya pada 24 Ogos.

Beliau turut merancang mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh dan agensi negeri dalam tempoh terdekat untuk mendapatkan pandangan bagi memperkasakan golongan berkenaan.

"Ia penting untuk kita kenal pasti

isu-isu berbangkit yang belum diselesaikan pentadbiran lepas dan keperluan mendesak dalam kalangan usahawan.

"Kita boleh kenal pasti perancangan pembangunan usahawan ini dan teroka pontesi baru di mana akan diumumkan sebelum sesi pembentangan Belanjawan tidak lama lagi," katanya.

Terdahulu, mantan EXCO Rodziah Ismail hadir dalam majlis serah tugas kepada Najwan yang dilantik sebagai EXCO Pemberdayaan Usahawan di bangunan pentadbiran negeri di sini.

Asia Tenggara destinasi pelaburan

SHAH ALAM - Sesi dialog bagi mempromosi rantau Asia Tenggara sebagai destinasi pelaburan utama dunia dijadual berlangsung dalam Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) pada Oktober ini.

Ketua pengarah eksekutif Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) berkata Sidang Pelabur Asia Tenggara bakal membincang hala tuju lebih jelas bagi

menjadikan rantau ini gah di mata dunia.

"Wakil setiap negara yang terlibat akan membincangkan bentuk kerjasama yang boleh dilakukan supaya dapat mempromosi rantau ini menjadi destinasi pelaburan utama dunia.

"Ini antara satu tarikan baharu di SIBS tahun ini. Kita harap usaha mencapai matlamat sekali gus memberi nilai tambah kepada negeri," kata Dato' Hasan

Azhari Idris pada 25 Ogos.

SIBS 2023 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 19 hingga 22 Oktober menyasar 50,000 kehadiran pelawat perdagangan dari Asia Tenggara, Asia Timur dan Asia Selatan.

Tahun ini, Invest Selangor menyasar potensi jualan sehingga RM1.5 bilion susulan kejayaan tahun lalu sebanyak RM1.45 bilion.



#KitaSelangor



Sekalung Taheriah

Y.A.B DATO' SERI AMIRUDIN SHARI

Atas pelantikan sebagai

DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Ikhlas daripada



Property | Environment | Medical | Energy

Bantu luas pasaran niaga di TikTok

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) menasar 600 usahawan menyertai 15 kelas strategi pemasaran melalui aplikasi TikTok yang dijalankan sehingga November depan.

Pengurus Kanan Operasinya Shahrudin Yacob menjelaskan kelas tersebut dijalankan mulai Jun lalu dengan kerjasama Kumpulan Perangsang Selangor Berhad.

"Sebanyak RM300,000 disalurkan bagi menjayakan program berlandaskan pendigitalan melibatkan usahawan Hijrah dan program ini adalah sebahagian daripadanya.

"Usahawan dibantu mempromosi produk menerusi TikTok agar mampu meningkatkan jualan sekali gus menjadikan mereka berdaya saing dalam perniagaan fizikal atau dalam talian," katanya pada 25 Ogos.

Shahrudin menambah usahawan turut dilatih menghasilkan skrip dan video untuk mempromosi produk jualan sepanjang dua hari sesi bimbingan.

"Pelbagai teknik lain turut dikongsikan antaranya penetapan database (pangkalan) produk dan affiliate serta pengenalan teknik kandungan kreatif. Cadangan untuk meneruskan program ini bergantung sekiranya platform TikTok masih lagi menjadi trend terkini dalam media sosial," katanya.

PKPS harap sumbangan dana

GLC, swasta sokong jualan murah

Oleh **NINA FARZUIN MD SHAROM**

KLANG - Lebih banyak syarikat berkaikaitan kerajaan (GLC) dan swasta diharapkan menyumbangkan dana kepada penganjur Jualan Ehsan Rahmah (JER).

Pengurus besar pemasaran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berkata program itu memerlukan banyak dana bagi memastikan penganjurannya lebih meluas dan berterusan.

"Program ini dapat dilaksanakan mengikut dana yang ada, kalau mahu lokasi ditambah maka dana yang diperlukan juga lebih banyak. Kita mampu menawarkan harga barangan lebih murah kerana sumbangan subsidi daripada Kerajaan Negeri.

"Jadi kita harap lebih banyak GLC dan syarikat swasta bersama-sama Kerajaan Negeri menyumbang dana

bagi tujuan kemasyarakatan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR)," kata Rosnani Abdul Malek di Taman Sri Pekan pada 24 Ogos.

Beliau berkata PKPS setakat ini mengekalkan jenis dan kuantiti barangan yang ditetapkan setiap kali program.

"Barang seperti ayam, beras, ikan, daging, minyak dan telur kita kekalkan pada setiap jualan.

"Bagaimanapun, kita juga cuba untuk membawa barangan tambahan seperti sayur-sayuran dan produk lain ke lokasi jualan," katanya.

Sementara itu, suri rumah C Manikawally, 70, bersyukur kerana jualan murah itu membantu mengurangkan perbelanjaan barang keperluannya setiap bulan.

"Suami saya sudah meninggal dan cuma bergantung kepada anak-anak.



Jadi jualan ini dapat kurangkan beban anak-anak memandang kami bukanlah golongan yang berkemampuan."

Pesara tentera Mohamad Satar Jamal, 83, berharap jualan murah itu diteruskan untuk membantu lebih ramai rakyat yang memerlukan.

"Dalam keadaan harga barangan yang semakin meningkat, ini antara satu cara untuk berjimat.

"Barang yang selalu saya beli jika ke jualan ini sudah tentu minyak dan ayam kerana biarpun harga murah tapi kualitinya setanding dengan barangan di pasaran luar," katanya.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).

Aplikasi Komuniti Bisnes GM Klang

Transformasi pengguna menjadi usahawan

Sebagai usaha untuk menggalakkan orang ramai terutama anak-anak muda untuk bergelar usahawan, Pusat Borong GM Klang telah melancarkan satu aplikasi mudah alih yang diberi nama Aplikasi Komuniti Bisnes GM Klang pada Oktober tahun lalu.

Tampil berbeza tetapi masih selari dengan kehendak dan kepesatan teknologi semasa, Aplikasi Komuniti Bisnes GM Klang memberikan kemudahan dan peluang keusahawanan dengan lebih mudah dan pantas kepada para pengguna.

Di bawah ciri khas "Business Matching", pengguna hanya perlu mengisi tarikh dan masa temu janji serta maklumat produk yang ingin diniagakan, kemudian pihak GM Klang akan menghubungkan pengguna dengan para pemborong yang bersesuaian agar perbincangan perniagaan selanjutnya dapat dilakukan di antara pengguna dengan pemborong.

Bukan itu sahaja, pengguna juga boleh menggunakan studio yang disediakan khas secara percuma untuk tujuan promosi, pengiklanan mahupun sesi 'live stream' barangan jualan mereka yang telah dibeli daripada pemborong-pemborong di sini.

Setakat bulan Ogos 2023, inovasi oleh Pusat Borong GM Klang yang memudahkan para usahawan untuk berhubung dengan pemborong GM Klang ini berjaya melepasi sebanyak

lebih 8,000 muat turun di seluruh Malaysia dan lebih 150 temu janji telah berjaya dihubungkan dengan pemborong melalui ciri khas 'Business Matching'.

Jumlah tersebut jelas menunjukkan bahawa penerimaan masyarakat kepada penggunaan aplikasi ini telah pun berkembang. Selain membolehkan para pemborong dan pengguna meneroka peluang keusahawanan dan penggunaan studio secara percuma untuk tujuan promosi, sebarang informasi di Pusat Borong GM Klang seperti pembukaan kedai baharu, kempen terkini dan pelbagai lagi turut disiarkan di ruang 'announcement' bagi memastikan semua pengguna aplikasi mengetahui informasi terbaharu tentang Pusat Borong GM Klang dengan mudah dan pantas.

GM Klang menganggarkan bilangan pengguna yang akan memuat turun aplikasi ini akan bertambah kerana ia akan dinaiktaraf dengan pelbagai lagi fasiliti perniagaan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian bagi memastikan aplikasi ini sentiasa dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka yang ingin memulakan perniagaan bersama GM Klang.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Nurhani Yasmee (Eksekutif Komunikasi Jenama GM Klang) di talian 012-2851152 atau emel ke yasmee@gmklang.com.

ADVERTORIAL



Taburan tidak seimbang

Susun semula lebih guru Kafa

Oleh **NORZILAWATI SIDEK**

SHAH ALAM - Pertukaran guru Kelas Agama dan Fardu Ain (Kafa) bertujuan menyusun semula lebih tenaga pengajar itu, kata pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Dato' Mohd Shahzihan Ahmad menjelaskan penyelarasan menyeluruh dibuat berpandu kekosongan dan keperluan mengikut kelas berdasarkan maklumat taburan guru seluruh negeri pada akhir Mac.

Katanya, penyusunan semula itu dijalankan berdasarkan nisbah keperluan sebenar mengikut daerah secara berperingkat berikutan data menunjukkan taburan guru tidak seimbang.

Beliau berkata Sabak Bernam dan Kuala Selangor menjadi dua daerah pertama dalam proses itu membabit-

kan 125 guru Kafa iaitu 45 orang di Sabak Bernam dan Kuala Selangor (80 orang).

"Penempatan baharu bagi lebih guru di kedua-dua daerah tersebut dilakukan dengan mengambil kira faktor logistik guru-guru terlibat," katanya sambil menjelaskan mereka diberi taklimat pada 21 Ogos.

Kenyataan pada 25 Ogos itu mengulas aduan berkaitan pertukaran guru di sekolah rendah agama (SRA) kedua-dua daerah tersebut.

Mohd Shahzihan juga menjelaskan penyusunan berkenaan melibatkan pergerakan 45 guru dari Sabak Bernam ke Kuala Selangor, 50 dari Kuala Selangor ke Klang dan 30 lagi ke Gombak.

"Jabatan ini sedia menimbang apa juga masalah berbangkit akibat penyusunan semula ini dengan alasan yang munasabah dan tidak meng-

ganggu maksud sebenar penyusunan semula," katanya.

Beliau juga menyatakan Jais sentiasa membuka pintu perbincangan dan meminta orang ramai supaya tidak membuat telahan tanpa asas yang boleh menimbulkan keresahan dalam masyarakat.

"Banyak perkara akan dapat diselesaikan dengan permesyuaratan, sebaliknya banyak perkara tidak selesai jika individu atau pihak-pihak mengambil sikap menanggung di air ke-ruh," katanya.

Pada 18 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan Jais akan melantik 656 guru Kafa secara berperingkat dalam tempoh lima tahun sehingga 2027.

Sebagai langkah awal, seramai 150 guru dilantik tahun ini bagi mengekalkan kualiti pengajaran.

Agih modul PTRS mulai September

KLANG - Modul Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) untuk pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan diedarkan bermula September.

Ketua pegawai operasi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata program diperkenalkan sejak pandemik Covid-19 dijangka memanfaatkan seramai 65,000 pelajar daripada 277 sekolah.

Menurut Saipolyazan M Yusop, sebanyak 272 merupakan sekolah menengah kebangsaan, sekolah agama bantuan kerajaan dan selebihnya maahad integrasi tahfiz Selangor.

"Mereka akan menerima enam mata pelajaran iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik, sains, sejarah dan matematik tambahan. Semua modul ini akan mula diagih bermula September.

"Mereka bukan sahaja menerima modul pembelajaran tetapi diberikan makanan tengah hari untuk sepanjang mengikuti tuisyen," katanya pada 26 Ogos.

Baru-baru ini, MBI mengumumkan dana lebih RM10 juta kepada pelajar dan sekolah bagi memperkasa sektor pendidikan negeri.

Peruntukan itu merangkumi pelaksanaan PTRS, bantuan Kembali ke Sekolah selain sumbangan infrastruktur sekolah.



PAMERAN PENERBANGAN SELANGOR
7 - 9 SEP 2023

SKYPARK REGIONAL AVIATION CENTRE, SELANGOR, MALAYSIA



Dihoskan



Dianjurkan



www.selangoraviationshow.com

Facebook, Instagram, LinkedIn, Twitter icons and handles: @selangoraviationshow, @SelAviationShow



Rukun perpaduan



Foto Filem Negara Malaysia

Ikrar Rukun Negara

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

Oleh NAZLI IBRAHIM

MAGERAN

Rukun Negara diisytihar pada 31 Ogos 1970 sempena sambutan kemerdekaan Malaysia ke-13 oleh Yang di-Pertuan Agong keempat Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Sultan Zainal Abidin (*foto atas*).

Tarikh itu juga menyaksikan buat pertama kalinya Rukun Negara diikrarkan oleh Staf Sarjan Nordin Ahmad (*foto tengah bersama 8,000 rakyat Malaysia pelbagai kaum (foto bawah) di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur*).

Diterbitkan melalui warta kerajaan sebagai pengisytiharan diraja, Rukun Negara lahir sebagai wadah penyatuan rakyat yang terpisah gara-gara dasar pecah perintah semasa penjajahan British.

Sebelum merdeka, hubungan tiga kaum iaitu Melayu, Cina dan India dibezakan mengikut tempat tinggal dan pekerjaan, sekali gus membataskan perhubungan antara mereka.

Selepas merdeka, hubungan kaum semakin keruh apabila ada pertubuhan-pertubuhan politik menyentuh isu sensitif membabitkan etnik dan bahasa. Kemuncaknya, pada 13 Mei 1969 tercetus rusuhan kaum di Kuala Lumpur selepas pilihan raya umum ketiga.

Berikutan itu, parlimen digantung dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan. Ia bertujuan mengembalikan keamanan, menegakkan semula undang-undang dan memupuk suasana harmoni antara masyarakat majmuk negara ini.

Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein yang mengetuai MAGERAN ketika itu menubuhkan tiga badan iaitu Majlis Muhibah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara (MPN).

MPN mengadakan mesyuarat buat kali pertama dipengerusikan Abdul Razak pada 27 Januari 1970 di Parlimen selama dua hari.

Mesyuarat MPN kali kedua berlangsung antara 2 hingga 4 Mac 1970. Pada akhir mesyuarat itu, majlis bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Rukun Negara bawah seliaan MPN.

Terdiri daripada 13 ahli daripada pelbagai latar belakang, kaum dan kepakaran, jawatankuasa berkenaan dipengerusikan menteri kewangan ketika itu, Tun Tan Siew Sin.

Antaranya ahli jawatankuasa ialah Menteri Luar Negeri Tun Muhammad Ghazali Shafie, wakil wanita dan penduduk Kampung Baru

Kuala Lumpur Tan Sri Aishah Ghani, tokoh akademik Dr Syed Hussein Alatas dan pengasas MIC Datuk Athi Nahappan.

Jawatankuasa ini bermesyuarat kali pertama pada 31 Mac 1970 di Bilik Gerakan Perbendaharaan Malaysia di Kuala Lumpur.

Turut diundang pada mesyuarat itu ialah Peguam Cara Negara Tun Salleh Abas (kemudian menjadi Ketua Hakim Negara), Zain Arshad (wakil Kementerian Luar Negeri), dan dua ahli akademik daripada Universiti Malaya iaitu Tan Sri Khoo Kay Khim dan James F Ongkili.

Dalam dokumentari khas berjudul 'Rukun Negara: A Nation United' sempena Hari Kemerdekaan ke-63 pada 2020, Salleh mendedahkan beliau membuat penulisan dan draf asal Rukun Negara.

Sebelum MAGERAN meluluskan draf Rukun Negara, beberapa pindaan dibuat antaranya 'menjunjung perlembagaan' kepada 'keluhuran perlembagaan'.

Akhirnya ia diluluskan pada 13 Ogos 1970. Rukun Negara pada dasarnya dirangka kepada dua bahagian iaitu cita-cita dan prinsip. Ia kemudiannya diterjemah sebagai ideologi nasional buat Malaysia.



Foto Filem Negara Malaysia

Penyatuan negeri Melayu

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

Perjanjian Inggeris-Belanda pada 17 Mac 1824 membahagi wilayah kuasa kolonial di kepulauan Melayu. British menguasai Singapura dan Melaka manakala Belanda memerintah Jawa dan Sumatera.

Dua tahun kemudian, empat negeri di utara Tanah Melayu iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu serta Pattani diletak bawah kekuasaan Siam menerusi Perjanjian Inggeris-Siam.

Sekitar 1840-an, wujud permintaan tinggi terhadap bijih timah menyebabkan banyak kawasan baharu diteroka raja dan pembesar Melayu. Pelombong Cina juga dibawa masuk ke Lembah Klang.

Perdagangan bijih timah rancak di muara Sungai Klang dan Sungai Gombak antaranya pembukaan lombong oleh Pembesar Klang Raja Abdullah di kawasan yang kini dikenali Ampang pada 1857.

Menurut JM Gullick, penulis buku Sejarah Selangor, Kuala Lumpur, kawasan utama pendaratan pelombong, lahir ekoran kepesatan kegiatan berkenaan di muara sungai tersebut.

Dari Kuala Lumpur - sebahagian daripada Selangor ketika itu - bijih timah diangkut ke pelabuhan di Kuala Selangor untuk dieksport ke negara Barat sejak 1859.

Dalam Perjanjian Pangkor 1874 pula, British dalam usaha melindungi kepentingan ekonomi mula campur tangan di Perak dan memperkenalkan sistem Residen yang menguasai pentadbiran negeri.

Pada tahun sama, British meluaskan pengaruh ke Selangor dan Sungei Ujong di Negeri Sembilan sebelum Pahang pada 1888. Semua wilayah itu menjadi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NMB).

Penyatuan empat negeri Melayu tersebut menyaksikan pentadbir Inggeris Sir Frank Swettenham dilantik sebagai Jeneral Residen NMB yang pertama.

Kedudukan Kuala Lumpur, ditambah faktor perkembangan pesat ekonomi, menjadikannya ibu negeri NMB, 16 tahun selepas bandar berkenaan dijadikan ibu negeri Selangor menggantikan Klang.

British menguasai Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NMTB) yang sebelum ini diperintah Siam menerusi perjanjian pada 10 Mac 1909. Johor pula ditadbir British lima tahun kemudian.

Semua negeri bergabung dalam Persekutuan Tanah Melayu yang dibentuk pada 1948, sekali gus menggantikan pemerintahan Malayan Union yang dibantah keras pemimpin Melayu khususnya Umno.

Kelahiran Malaysia

Berusaha melindungi kepentingan ekonomi, British yang berdepan ancaman komunis antara 1945 hingga 1948 memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada tanggal 31 Ogos 1957.

Bendera petak biru di sudut atas kiri bulan sabit, 11 jalur, enam merah dan lima putih serta bintang kuning 11 bucu dikibar di Istana Selangor pada 26 Mei 1950, tanda berdirinya sebuah negara baharu.

Malaysia pula lahir selepas hasil pungutan suara yang dibuat Suruhanjaya Cobbold pada 1962 terhadap penduduk Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura yang dijalankan setahun sebelum itu.

Sarawak, Sabah dan Singapura setuju bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu. Pengisytiharan Malaysia dibuat pada 16 September 1963. Namun, Singapura dikeluarkan dua tahun kemudian.

Penyatuan semua Negeri-Negeri Selat, NNMB dan NMTB itu terpancar menerusi Jata Negara melalui cogan kata Bersekutu Bertambah Mutu. Lambang rasmi kerajaan Malaysia itu diperkenalkan dan diwartakan Raja-Raja Melayu pada 30 Mei 1952.

1824 Perjanjian Inggeris-Belanda membahagi wilayah kekuasaan

1826 Siam kuasai empat negeri menerusi Perjanjian Inggeris-Siam

1859 Pembukaan Kuala Lumpur

1874 Perjanjian Pangkor (*gambar*) menyaksikan Perak terima sistem Residen

1880 Ibu negeri Selangor dipindah dari Klang ke Kuala Lumpur



1888 British luaskan pengaruh ke Pahang

1896 Kuala Lumpur jadi pusat Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

1909 Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis diserahkan kepada British

1914 British luaskan pengaruh ke Johor

1946 Cadangan penubuhan Malayan Union

1948 Persekutuan Tanah Melayu dibentuk

1957 Pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu

1963 Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura bergabung jadi Malaysia

1965 Singapura dikeluarkan daripada Malaysia





Jasa Selangor abadi di KL

Bermula dengan penerokaan kerabat diraja Selangor Raja Abdullah Raja Ja'afar untuk melombong bijih timah pada 1857, Kuala Lumpur berkembang menjadi kawasan metropolitan utama negara pada hari ini.

Penempatan di pertemuan antara Sungai Gombak dan Sungai Klang itu diangkat menjadi ibu negeri Selangor 1880 dan

kemudian pusat pentadbiran bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 1896.

Bandar itu kemudiannya menjadi ibu negara Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian ibu negara Malaysia. Meski diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan pada 1974, segala jejak warisan berkait kesultanan Selangor masih dikekalkan di pusat kekuasaan negara.

Ia termasuk nama-nama tokoh dan anggota keluarga diraja negeri ini yang mewarnai identiti jalan dan laluan di bandar raya itu.

Wartawan NADIAH ZAMLUS bersama jurufoto HAFIZ OTHMAN dan FIKRI YUSOF mengimbas kembali ketokohan, sumbangan dan peristiwa di balik nama-nama jalan tersebut bersempena sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.



1 Jalan Sultan Abdul Samad

- Sultan Sir Abdul Samad, sultan Selangor keempat (1857-1898)
- pada 1880, Baginda isytihar Kuala Lumpur, sebelumnya Klang, sebagai ibu negeri Selangor
- Kuala Lumpur waktu itu lebih kurang sebesar kawasan Chow Kit atau Raja Bot ke Kampung Attap di selatan
- sebelum ditabal sebagai sultan, Baginda dilantik presiden Lembaga Pentadbiran Penempatan Pertanian Melayu (Malay Agriculture Settlement atau MAS) di Kampung Baru
- pada zaman pemerintahan Baginda, bendera dan jata negeri diperkenalkan
- Baginda membina landasan kereta api menghubungkan Kuala Lumpur dan Klang pada 1890
- selain Bangunan Sultan Abdul Samad, nama Baginda diabadikan di sekolah dan perpustakaan

2 Jalan Sultan Sulaiman

- sempena nama Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Shah, sultan Selangor kelima (1898-1938)
- putera Raja Muda Musa, Baginda cucunda Sultan Sir Abdul Samad
- mula gubal Undang-undang Tubuh Negeri Selangor untuk selesai isu pewarisan takhta, namun mangkat sebelum ia berjaya dilaksanakan
- pernah usul penubuhan pasukan tentera udara dalam Persidangan Raja-Raja Melayu
- dikenali kuat beragama, Baginda mengarang kitab agama dan membaca khutbah
- jalan raya, landasan kereta api dan rumah kedai banyak dibina di Kuala Lumpur, negeri maju daripada hasil bumi seperti bijih timah dan arang batu

3 Jalan Sultan Hishamuddin

- Sultan Sir Hisamuddin Alam Shah Alhaj, sultan Selangor keenam (1938-1942 dan 1945-1960)
- ketika kependudukan Jepun, Baginda diganti kekandanya Tengku Musauddin sehingga 1945
- Baginda dimasyhurkan kembali selepas Jepun kalah
- tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu pada 1948, termasuk Selangor sebagai sebuah negeri anggotanya
- mangkat empat bulan selepas dilantik Yang di-Pertuan Agong kedua pada 1960

4 Jalan Raja Muda Musa

- sempena nama Raja Muda Musa, sultan Selangor ketujuh bergelar Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah (1942-1945)
- putera sulung Sultan Sir Alaeddin, Baginda banyak bantu kaum kerabat yang bermasalah ketika penaklukan Jepun
- sebelum ditabal sebagai sultan, Baginda dilantik presiden Lembaga Pentadbiran Penempatan Pertanian Melayu (Malay Agriculture Settlement atau MAS) di Kampung Baru
- Penempatan Pertanian Melayu diwartakan pada 1900

5 Jalan Sultan Salahuddin

- Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, sultan Selangor kelapan (1960-2001)
- ditabalkan Yang di-Pertuan Agong ke-11 pada 1999
- nama Baginda juga harum pada masjid negeri, lapangan terbang dan bangunan pusat pentadbiran negeri

6 Jalan Raja Muda Abdul Aziz

- Tengku Abdul Aziz Shah, Raja Muda Selangor pada 1950
- ditabal sebagai sultan Selangor kelapan pada 1960
- dikenali dengan nama lain sebelumnya, laluan utama di Kampung Baru ini kemudian diubah kepada Jalan Raja Muda sebelum dikenali nama sekarang

7 Jalan Raja Laut

- sempena pembeda Selangor, putera kedua Sultan Muhammad Shah, sultan Selangor ketiga
- digelar 'Laut' kerana diputerakan di perairan Lukut, Sungei Ujong di Negeri Sembilan pada 1850
- ahli Majlis Negeri Selangor, bertindak sebagai hakim dan penghulu di Kuala Lumpur
- ketua masyarakat Melayu di Kuala Lumpur pada 1880-an yang banyak selesaikan masalah setempat
- tubuhkan Sekolah Melayu pertama di Kuala Lumpur

8 Jalan Raja Mahmud

- Raja Mahmud, juga putera Sultan Muhammad Shah, sultan Selangor ketiga
- ahli jawatankuasa Lembaga Pentadbiran Petempatan Pertanian Melayu (MAS) Kampung Baru
- nama diabadikan sebagai menghargai jasanya dalam MAS
- terlibat dalam perang membantu Raja Mahadi

9 Jalan Raja Abdullah

- sempena nama Raja Abdullah Raja Ja'afar, adinda Raja Jumaat iaitu pemerintah Lukut, kini Sungei Ujong di Negeri Sembilan
- Raja Jumaat berkahwin Tengku Senai, puteri Sultan Muhammad Shah, sultan Selangor ketiga pada 1849
- berkahwin dengan anak saudara Sultan, Raja Abdullah terima watikah sebagai pentadbir Lembah Kelang daripada Sultan Muhammad Shah pada 1853
- beliau menarik etnik Cina dan Melayu untuk berniaga dan terlibat dalam perlombongan timah di sekitar Ampang

10 Jalan Raja Bot

- Raja Bot Raja Jumaat, pemerintah terakhir Kota Lukut sebelum diserahkan kepada luak Sungai Ujong pada 1880
- berhijrah ke Kuala Lumpur pada 1882, teruskan aktiviti perlombongan bijih timah di Kuala Lumpur
- dilantik penghulu Sungai Buloh pada 1887
- jalan ini dalam kawasan di pinggir Petempatan Pertanian Melayu (MAS) Kampung Baru

11 Jalan Raja Mahadi

- putera Raja Sulaiman, atau cucunda sultan ketiga Sultan Muhammad Shah, yang menguasai Klang
- tidak puas hati Raja Abdullah dilantik menguasai Klang setelah ayahandanya meninggal dunia
- pada 1866, dalam Perang Klang I, Raja Mahadi tewaskan Raja Abdullah
- pada 1870, putera Raja Abdullah yang bergabung

dengan Tengku Kudin, menantu Sultan Sir Abdul Samad, tewaskan Raja Mahadi dalam Perang Klang II

- Raja Laut dan Raja Mahmud bergabung dengan Raja Mahadi tewaskan orang Tengku Kudin dan Yap Ah Loy di seluruh Selangor termasuk Kuala Lumpur pada 1872

- pada 1874, susulan perang yang berlarutan, kuasa Inggeris ambil kesempatan untuk campur tangan politik di Selangor
- Frank Swettenham menjadi penasihat pertama kepada Sultan Abdul Samad

12 Jalan Raja Uda

- sempena nama Raja Tun Uda Al-Haj Raja Mohamad, menteri besar Selangor kedua dan keempat (1949-1953 dan 1954-1955)
- berkahwin dengan Tengku Badariah Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Shah, kekanda Sultan Hisamuddin
- dilantik setiausaha kepada Residen British di Selangor pada 1939, lantikan pertama dalam kalangan orang Melayu
- dilantik gabenor Pulau Pinang pada 1957 selepas menjadi speaker Majlis Persekutuan pada 1955
- selain jalan, namanya diabadikan pada perpustakaan utama di Selangor dan juga pangkalan feri di Pulau Pinang

13 Jalan Raja Alang

- asalnya untuk Datuk Raja Mohamed, ahli Dewan Diraja Selangor pada 1950-an
- namun beliau abadikan nama bapanya Raja Alang Raja Berayun, orang kaya Melayu pada 1880-an. Raja Berayun dilantik Tengku Panglima Garang sewaktu pemerintahan Sultan Abdul Samad
- Raja Mohamed diberi penghormatan demikian atas jasanya memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu

14 Jalan Raja Ali

- dinamakan sempena Raja Ali Raja Jaafar, ahli Lembaga Pentadbiran Petempatan Pertanian Melayu (MAS) Kampung Baru
- penghulu mukim Batu pada 1897 hingga 1927



Rujukan
 Kuala Lumpur Street Names: A Guide to Their Meanings & Histories (2015) oleh Mariana Isa dan Maganjeet Kaur
 Sejarah Kampung Bahru: Di Sini Awal Segalanya Bermula (2005) oleh Suleiman Mohamad dan Lokman Haji Mohd Zen
 Sejarah Selangor (1981) oleh Haji Buyong Adil

Latih lakonan celah ledakan bom

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

Jantung berdegup laju. Peluh dingin meleleh di dahi. Ledakan bom dan simpang siur peluru raifal benar-benar mencemaskan. Bunyi kuat bahan letup berhampiran tempat Hairul Azreen Idris meniarap mendesing lama di telinga.

Namun, pelakon Malbatt: Misi Bakara cekal meneruskan latihan bermain bersama senjata api. Dia tahu dirinya perlu dibiasakan dengan ledakan bom dan percikan peluru.

Semua itu harus dilakukan supaya dapat menghidupkan babak operasi menyelamat oleh Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) pada 1993 di Mogadishu, Somalia.

Latihan insentif di bawah seliaan tentera sebenar di Port Dickson, Negeri Sembilan itu sebagai persediaan untuk suami kepada pengarah Hanis Zalikha menjayakan penggambaran di Turki.

"Sepanjang pembikinan filem ini, memang ada ledakan bom. Saya pernah melakonan babak letupan bom sebelum ini. Ada pelakon yang mungkin pertama kali melalui pengalaman ini.

"Ada juga babak saya melewati kawasan letupan dan tempat menembak. Walau kami hanya menggunakan peluru kapur, namun bunyi tembakan itu terngiang-ngiang juga. Maklumlah saya tidak memakai penyumbat telinga sebab tidak mahu ia kelihatan di dalam skrin," katanya.

Membawakan karakter Leftenan Ismail, filem menelan belanja RM20 juta itu diinspirasi kisah Batalion Malaysia (Malbatt) semasa operasi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam perang saudara Somalia.

Dibawakan sutradara Adrian Teh, lokasi penggambaran diadakan di beberapa kawasan bandar selatan Turki antaranya Gaziantep, Kilis dan Adana.

"Untuk filem ini, barulah saya rasa set penggambaran di luar negara lebih gila. Sebabnya di sana, mereka siap tutup jalan. Pendek kata, saya bangga. Kalau tengok imej janaan komputer yang digunakan terutama untuk babak letupan, umpama tiada cacat cela.

"Semua ini boleh dilakukan disebabkan kos. Adrian tahu bagaimana menggunakan bajet RM20 juta itu dan tidak mengambil kesempatan," katanya semasa majlis pelancaran promosi filem Malbatt: Misi Bakara baru-baru ini.


Hairul Azreen berkata, watak Leftenan Ismail dibawanya dalam filem diilhamkan daripada kisah salah seorang anggota RAMD terbabit operasi itu.

Dedah beliau, anggota tersebut yang hanya mahu dikenali Jeneral Khairul banyak membantunya semasa latihan di Port Dickson. Malah berkongsi detik-detik mendebarkan sepanjang di Somalia.

"Semasa latihan di Port Dickson, beliau datang berjumpa. Ceritanya, semasa kejadian sebenar, dia nyaris terkena letupan bom mortar. Mujur beliau sempat alih badan dan dapat elak bom," katanya.

Bukan sebab nama

Selepas melakonan filem PASKAL pada 2018, diikuti filem Malbatt: Misi Bakara pada tahun ini, Hairul merasakan kepuasan setiap kali terlibat dengan naskhah patriotik.



"Ramai generasi muda tak tahu askar kita hebat. Sebabnya, setiap cerita perang yang dibuat negara luar, naratifnya mesti menunjukkan mereka hero. Sedangkan askar kita sebenarnya hebat, mereka yang menyelamatkan askar Amerika Syarikat di Somalia.

"Semasa filem PASKAL, kemasukan askar dan tentera baharu meningkat 40 peratus. Saya harap Malbatt memberikan kesan sama khususnya buat generasi muda," katanya.

Baru-baru ini, Hairul Azreen dalam satu temu bual bersama stesen radio swasta semasa mempromosikan filem itu, mengumumkan persaraan sebagai aktor bagi menumpukan perniagaannya. Ia sekali gus menjadikan filem itu sebagai naskhahnya yang terakhir.

Malbatt: Misi Bakara mengisahkan sepasukan anggota RAMD berusaha menyelamatkan tentera Amerika Syarikat apabila helikopter Black Hawk milik mereka ditembak jatuh di pasar Bakara, Mogadishu pada 1993.

Selain Hairul Azreen, filem yang ditayangkan mulai 24 Ogos ini turut dibintangi Bront Palarae, Tony Eusoff, Dafi Ismail, Shaheizy Sam, Taufiq Hanafi, Theebaan G dan Dini Schatzmann.



Selamat menyambut

HARI KEBANGSAAN

ke - **66**

"Tekad Perpaduan Penuhi Harapan"

Ikhlas daripada
Seluruh Wargakerja
Koridor Utiliti Selangor



Our subsidiary:



www.kusel.my



SELAMAT HARI KEBANGSAAN

31 OGOS 2023

KE-
66

*"Hayati nilai kebersamaan sebelum semuanya
menghilang menjadi sebuah kenangan."*

Ikhlas daripada



SELAMAT HARI MERDEKA MALAYSIA

— 66 TAHUN —



PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR





Anwar bertemu dengan waris korban serangan hendap komunis ketika pelancaran Kempen MyJalan Kementerian Kerja Raya di Gerik, Perak pada 24 Ogos. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Telan kos RM100 juta

Tambah RM30 juta selenggara jalan

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta bagi menaik taraf Jalan Raya Timur-Barat yang menghubungkan Gerik-Jeli.

Beliau yang juga menteri kewangan berkata dana itu tambahan kepada peruntukan penyelenggaraan jalan berkenaan yang menelan kos antara RM80 juta sehingga RM100 juta, lapor Bernama.

Katanya, kerajaan banyak menerima permohonan untuk menyelenggara jalan di seluruh negara dan perkara itu akan dikaji sebelum diumumkan dalam belanjawan yang akan dibentangkan pada Oktober.

"Tapi hari ini saya boleh lulus tambahan RM30 juta untuk perbaiki jalan," katanya ketika melancarkan Kempen MyJalan Kementerian Kerja Raya di Gerik, Perak pada 24 Ogos.

Sebelum ini, Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mengumumkan peruntukan awal RM30 juta bagi menaik taraf dan menyelenggara laluan tersebut.

Anwar menjelaskan kerajaan meluluskan peruntukan tambahan untuk menyelenggara jalan persekutuan di seluruh negara berjumlah RM370 juta pada tahun ini.

Katanya, RM300 juta bagi menyelenggara jalan manakala RM20 juta peruntukan khas jurutera daerah dan RM50 juta lagi untuk pemasangan dan penyelenggaraan lampu di kawasan risiko nahas.

Beliau menambah kerajaan turut meluluskan RM250 juta bagi peruntukan kerja penyelenggaraan melibatkan kontraktor kecil bumiputera.

Peniaga lega nilai geran naik

SHAH ALAM - Tambahan peruntukan geran untuk program kewangan iTekad membantu lebih ramai golongan berpendapatan rendah (B40) untuk memulakan perniagaan kecil dan sederhana.

Pengusaha kedai makan di Kuala Terengganu, Terengganu Norharizan Hassan, 44, berpendapat tambahan dana berkenaan bakal memudah cara pembiayaan dalam kadar kecil.

"Dengan keadaan ekonomi agak perlahan, ramai peniaga alami masalah modal dan kewangan lain disebabkan pengurangan jualan atau pelanggan," katanya seperti dilapor Bernama pada 23 Ogos.

Pada 22 Ogos, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan tambahan sebanyak RM6 juta menjadikannya RM10 juta untuk program iTekad bagi membantu perniagaan kecil dan sederhana.

iTekad adalah program penaung untuk memban-

tu golongan usahawan berpendapatan rendah dalam memperkukuh pengurusan kewangan dan kepintaran bagi menjana pendapatan berterusan.

Peniaga kuih Rohaizi Yusof, 45, berharap syarat pinjaman dipermudah supaya tidak membebankan peniaga kecil berikutan keuntungan mereka sekadar balik modal atau margin kecil.

Pengusaha butik pengantin di Kuantan, Pahang Zaliman Jusoh, 50, pula mahu penerangan mengenai pemberian bantuan perlu dibuat lebih aktif bagi memastikan ia sampai kepada golongan sasaran.

"Saya juga berharap tempoh moratorium secukupnya dipertimbang kepada penerima yang layak bagi memastikan kewangan mereka kukuh," katanya.

Tingkat dana baiki rumah polis

SHAH ALAM - Kerajaan Perpaduan berusaha menambah peruntukan untuk membina dan membaiki pulih perumahan polis dalam belanjawan yang akan dibentangkan pada Oktober.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga menteri kewangan difahamkan antara 40 ke 60 peratus perumahan sahaja boleh didiami manakala bakinya tidak selamat, lapor Bernama.

"Kita tambah peruntukan segera baiki yang asas dulu, kemudian yang lain akan beri perhatian," katanya dalam program bersama keluarga Kem Pasukan Gerakan Am Ulu Kinta di Ipoh, Perak pada 24 Ogos.

Sebelum ini, beliau meluluskan dana tambahan RM200 juta untuk menaik taraf rumah daif pasukan keselamatan selain RM40 juta untuk perumahan polis.

Sementara itu, seramai 87 keluarga waris korban serangan hendap komunis sewaktu pembinaan Jalan Raya Timur Barat (Gerik-Jeli) pada 1970 menerima sugu hati RM1,000.

Anwar menjelaskan pemberian kepada keluarga pekerja Jabatan Kerja Raya itu sebagai simbolik menghargai jasa bakti yang telah mereka dicurahkan.

"Saya dimaklumkan banyak nyawa terkorban akibat serangan pengganas komunis dan kemalangan sewaktu kerja-kerja pembinaan dilaksanakan.

"Kegagalan sewaktu kerja pembinaan itu pastinya menimbulkan memori silam pahit yang tercatat dalam sejarah negara malah memberi kesan kepada waris," katanya di Facebook pada 24 Ogos.



KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	TBA	DESIGN AND BUILD FOR PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORK FOR KG. KERDAS, GOMBAK
2.	TBA	DESIGN AND BUILD FOR PROPOSED IMPROVEMENT WORK FOR KAMPUNG SUNGAI RAMAL DALAM, HULU LANGAT
3.	TBA	DESIGN AND BUILD FOR PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORK FOR NORTHPORT THROUGH BUKIT LIPAT KAJANG HIGH LEVEL RESERVOIR, KLANG
4.	TBA	DESIGN AND BUILD FOR PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORK FOR CHERAS LOW LEVEL PUMP HOUSE, HULU LANGAT
5.	TBA	DESIGN AND BUILD FOR PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORK FOR TAMAN MUDA 1.3MG RESERVOIR
6.	TBA	DESIGN AND BUILD FOR PROPOSED RENOVATION AND INTERIOR FIT-OUT WORKS FOR EXISTING GOMBAK STORE AT SG BATU WATER TREATMENT PLANT (APPROXIMATELY 3,897 sq. ft.)


Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists>. Sertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan Air Selangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.



Tahniah

YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
atas pelantikan sebagai
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Ikhlas daripada :



SMART SELANGOR
DELIVERY UNIT



SELAMAT HARI ^{ke-}
Kebangsaan 66
31 OGOS 2023

“Satukan hati, satukan jiwa,
walau berbeza, kita tetap sama. Inilah yang kita nak!”

Ikhlas daripada



MediaSelangor

Bina kompleks sukan RM40 juta

Mercu tanda baharu bandar Klang

Oleh **AZIAN AZIZ**

SHAH ALAM - Klang bakal mempunyai mercu tanda baharu apabila Kompleks Sukan Klang Utara di Bandar Bukit Raja siap dibina dalam tempoh lima tahun.

Yang dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK) berkata pembinaan kompleks berkenaan dengan kos kira-kira RM40 juta antara projek berdampak tinggi yang memberi manfaat jangka panjang kepada penduduk setempat.

"Kompleks ini menyerupai Kompleks Sukan Pandamaran dan Stadium Kota Raja. Pembinaan kompleks ini akan dilaksanakan berperingkat dan dijangka mengambil masa pa-

ling cepat tiga tahun untuk disempurnakan," kata Noraini Roslan pada 24 Ogos.

Menurutnya, MPK juga merancang membaiki dan menyelenggara kapal Bugis yang menjadi tarikan pelancong di Tanjung Harapan dengan kos RM3 juta.

Turut dinaik taraf, pasar dan tandas awam yang terangkum dalam 21 projek pembangunan dengan peruntukan keseluruhan RM5 juta daripada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bermula tahun depan.

Projek lain antaranya Pasar Pelabuhan Klang (RM1 juta), Jalan Kereta Lama (RM1 juta), laluan pejalan kaki dan basikal di Jambatan Kota

(RM690,500).

Selain itu, MPK bersama KPKT turut memohon peruntukan daripada Jabatan Kerja Raya bagi menyelenggara jalan-jalan di sekitar Klang berjumlah RM24.6 juta.

Noraini menjelaskan projek berdampak tinggi itu juga untuk meningkatkan imej Klang yang bakal dinaik taraf sebagai bandar raya tidak lama lagi.

Katanya, semua projek tersebut antara yang diutarakan dalam sesi penglibatan awam bagi menyedhiakan Bajet 20204 MPK di Klang pada 20 Ogos.

Beliau menjelaskan Kerajaan Negeri pada masa sama turut berbesar hati memberi peruntukan khas sebanyak RM5 juta bagi menaik taraf bandar Klang.

MBSA cipta aplikasi pantau jalan rosak

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama yang membangunkan aplikasi pemeriksaan, pembaikan dan penyelenggaraan jalan.

Datuk bandarnya berkata projek rintis aplikasi 'Pavement-AI' dengan kerjasama Urban Explorer Sdn Bhd memudahkan kerja pemantauan jalan berlubang.

"Kita menyasarkan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan menjawab maklum balas serta aduan pelanggan berkaitan jalan berlubang di kawasan MBSA.

"Aplikasi ini juga bagi memastikan penyelesaian aduan jalan berlubang yang lebih pantas dan cekap," kata Dr Nor Fuad Abdul Hamid dalam kenyataan pada 24 Ogos.

Terdahulu, beliau menandatangani memorandum persefahaman bersama Ketua Pegawai Eksekutif Urban Explorer Sdn Bhd Ahmad Fuad Hamzah di Pusat Konvensyen Shah Alam, Seksyen 13 di sini.

Aplikasi itu memberikan lokasi aduan jalan berlubang secara tepat untuk tindakan segera selain menghubungkan aduan awam dengan platform lain seperti Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA).



HARGA BUMIPUTERA
BERMULA DARI
RM 475,200*
(Selepas 10% Diskaun Bumiputera)

SE-RUANG
Square
ECO SANCTUARY

**KEDAI
PEJABAT
STRATA**

UNIT TERHAD

ecoworld.my / +603 8688 2255

Eco Sanctuary Sdn Bhd (201401000413 (1076483-V))
EcoWorld Gallery @ Eco Sanctuary
Lot 41296, Persiaran Eco Sanctuary, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor.

Penafian: Maklumat yang terkandung dalam iklan ini tertakluk pada perubahan dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Semua lukisan realistik adalah gambaran petikus sahaja. Semua ukuran adalah anggaran. Walaupun sewaktu penyediaan iklan semua perhatian sewajarnya telah diberikan, pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat ketidaktepatan. Semua item di atas adalah tertakluk pada ubah, ubah susunan dan penggantian yang mungkin diperlukan oleh Pihak-pihak Berkuasa atau disyorkan oleh Arkitek atau Jurutera. * Tertakluk pada terma dan syarat.



duduk
ECOWORLD



KENYATAAN TENDER

BAGI KERJA-KERJA PERKHIDMATAN KUTIPAN SAMPAH DOMESTIK DI SELURUH KAWASAN DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

KDEB Waste Management Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor secara holistik. Justeru, KDEB Waste Management Sdn. Bhd. mempelawa kontraktor - kontraktor yang masih sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM Kod Bidang - 221002 dan 221003) dan UPEN Negeri Selangor Darul Ehsan untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja - kerja berikut:-

Bil.	Butiran Nombor Tender & Nama Tender	Tarikh Mula Kerja	Harga Dokumen Bagi Setiap Set	Tempoh Jualan Dokumen	Tarikh Tutup	Bil.	Butiran Nombor Tender & Nama Tender	Tarikh Mula Kerja	Harga Dokumen Bagi Setiap Set	Tempoh Jualan Dokumen	Tarikh Tutup
1	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 01 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Kawasan Bukit Kapar (Jalan Bahagia, Jalan Umno, Jalan Rebung, Jalan Kempas, Jalan Sekolah, Jalan Setia Jaya, Jalan Bahagia, Jalan Abd Wahid, Jalan Seri Jaya, Jalan Sebayu, Jalan Haji Alias, Jalan Dato Johar, Jalan Bukit Kerayong, Jalan Iskandar, Jalan Bukit Cerakah, Jalan Meru Tambahan) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)	1 Oktober 2023	RM212.00 (Termasuk 6% SST)	Jam 9.00 pagi, 04 September 2023 hingga jam 6.00 petang, 05 September 2023	11 September 2023 (Sebelum jam 6.00 petang)	18	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 18 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Kembara, Taman Mewah, Taman Baiduri (Jalan Genting, Jalan Sungai Nibong, Jalan Sungai Bilah, Jalan Sungai Daun, Jalan Keretapi Lama, Jalan Sungai Saim, Jalan Murni, Jalan Wan Hassan) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)	1 Oktober 2023	RM212.00 (Termasuk 6% SST)	Jam 9.00 pagi, 04 September 2023 hingga jam 6.00 petang, 05 September 2023	11 September 2023 (Sebelum jam 6.00 petang)
2	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 02 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Kawasan Meru (Jalan Belimbing, Jalan Ciku, Jalan Dusun, Jalan Durian, Jalan Manggis, Jalan Limau, Jalan Kopi, Jalan Lapis 7, Jalan Hajah Kartinah, Lorong Masjid, Jalan Iskandar, Jalan Meru Tambahan), Taman Desa Baiduri, Taman Desa Permata Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					19	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 19 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kampung Rantau panjang (Jalan Rantau Panjang, Jalan Kunci Air, Jalan Sungai Saim, Jalan Othman Lama, Jalan SHAPADU, Jalan Palembang, Jalan Tarmizi, Lorong Haji Mukri, Lorong Anggerik) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
3	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 03 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Kawasan Meru (Jalan Nenas, Jalan Jambu, Jalan Rambutan, Jalan Limau, Jalan Durian, Jalan Duku, Jalan Pisang, Jalan Kopi, Persiaran Hamzah Alang, Jalan Meru Tambahan), Kawasan Industri Jalan Korporat Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					20	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 20 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kampung Batu Tiga, Kampung Batu Belah, Jalan Bahagia, Jalan Istimewa, Jalan Haji Sirat, Jalan Sungai Putus 1, Jalan Jasa, Villamas Apartment, Jalan Muhibbah, Jalan Pauh Kijang Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
4	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 04 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Kawasan Meru dan Bukit Kapar (Jalan Meranti Bunga, Jalan Meranti Merah, Jalan Meranti Putih, Jalan Cerakah, Solok Iskandar, Jalan Bukit Cerakah, Jalan Meru Tambahan, Jalan Paip, Jalan Pasar Malam, Jalan Kenangan, Jalan Cempaka, Jalan Miskam, Kg Haji Mohd Shariff) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					21	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 21 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Bunga Melor (Jalan Sentosa, Jalan Muda, Jalan Labis, Jalan Kangar) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
5	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 05 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Kawasan Meru (Taman Meru 4, Taman Meru Indah, Taman Meru Mulia, Taman Eco Villa, Taman Meru Jaya 3, Taman Meru Sejahtera, Taman Sri Puteri, Taman Berkat, Persiaran Hamzah Alang, Jalan Khamis, Jalan Meru) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					22	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 22 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kampung Sungai Pinang, Jalan Goh Hock Huat, Taman Seri Pinang, Taman Sri Kapar, Taman Sri Klang, Jalan Bakti, Jalan Musran Dan Kawasan Sekitar Seperti Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
6	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 06 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik di Sebahagian Kawasan Meru (Jalan Jabar, Jalan Kasban, Jalan Kassim, Jalan Salleh, Jalan Haji Abdul Manan, Jalan Haji Abdul Rahman, Jalan Meru, Taman Meru Selatan, Taman Meru Jaya, Taman Dato Bandar) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					23	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 23 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Jalan Meru, Perumahan Persiaran Pulau Pinang, Jalan Gurun, Jalan Bukit Mertajam, Jalan Alor Setar, Jalan Kangar Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
7	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 07 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Meru Utama, Taman Meru 3, Taman Daya Meru Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					24	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 24 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Pusat Bandar Klang Utara, (Timur Laut Sungai Klang), Jalan Bukit Kuda, Jalan Haji Abbas Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
8	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 08 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Khoo Kek Keng (Jalan Khoo Kek Keng), Taman Intan (Jalan Hamzah Alang), Taman Kapar Ria (Jalan Kapar Setia), Taman Pinkie, Taman Sentosa, Taman Putra Baru Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					25	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 25 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Sia Hong, Taman Meru, Kawasan Perniagaan Jalan Pekan Baru, Jalan Pasar Baru Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
9	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 09 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Kawasan Taman Seri Dua Belas, Taman Seri Kerayong, Taman Damai (Jalan Dato Kaya Kecil, Jalan Imam Abdul Aziz, Jalan Raja Abdul Rahman, Jalan Dato Tahir), Taman Emas (Jalan Raja Nala), Taman Saga, Taman Kapar Permai (Jalan Haji Yaakob) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					26	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 26 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Eng Ann, Taman Berkeley Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
10	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 10 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Kg Sungai Serdang, Kg Tok Muda, Taman Seri Kapar (Jalan Imam Ayob), Taman Seri Wangi (Jalan Kiyai Sujak, Jalan Imam Zakaria, Jalan Raja Mokhtar) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					27	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 27 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Bandar Baru Klang, Flat Cempaka, Kondo Palma Raya, Kondo Bandar Baru Klang, Kawasan Perindustrian Bukit Raja (Gerai MPK), Taman Rashna, Taman Intan, Pusat Bandar Berkeley dan kawasan sekitar seperti di dalam peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
11	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 11 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Seri Perepat (Jalan Perepat, Jalan Harapan), Taman Sungai Kapar Indah, Kawasan Perindustrian Sungai Kapar Indah (Jalan Wawasan) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					28	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 28 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Flat PKNS Bandar Sultan Sulaiman, Kawasan Komersial Bandar Sultan Sulaiman, Kawasan Industri Bandar Sultan Sulaiman, Bagan Hailam Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
12	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 12 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Aman Perdana, Klang Sentral, Jalan Pelaburan, IKS Jalan Sungai Puloh Sebahagian Kawasan Bandar Bukit Raja (Jalan Ngajat) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					29	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 29 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Perumahan Bandar Sultan Sulaiman, Flat Sri Perantau, Flat Kelompok Camar, Kampung Sungai Sireh, Kampung Sungai Sireh Tambahan, Taman Sungai Sireh Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
13	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 13 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Klang Utama (Jalan Sungai Keramat 1-41, Jalan Sungai Batu 6-57, Jalan Sg Chandong 19, Jalan Besar Sungai Puloh, Lebuhr Sri Pekan, Jalan Sungai Puluh 5-14, Jalan Cempakasari 1-16, Jalan Beting, Jalan Pengasah) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					30	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 30 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Wangi, Teluk Pulai, Penarikan Tong Roro di Transfer Station Jalan Lembaga Bandaran Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
14	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 14 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Bandar Bukit Raja 2 (Jalan Makyong, Jalan Gamelan, Jalan Sumazau, Flat Rebana, Persiaran Sungai Keramat, Jalan Kuda Kepang, Jalan Canggung, Jalan Inang, Jalan Zapin, Jalan Rodat), Taman Seri Pekan (Jalan Cendana), Mutiara Bukit Raja (Jalan Cokmar), Mutiara Bukit Raja 2 (Jalan Mahkota) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					31	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 31 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Gembira, Kg Atap, PRMM Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
15	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 15 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Bandar Bukit Raja (Jalan Astaka, Jalan Astana, Jalan Mahligai, Jalan Singgahsana, Flat Selangorku Serunai, Seruling) Dan Kawasan Sekitar Seperti di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					32	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 32 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Kg Sungai Berth, Taman Aneka Baru, Kg Sungai Udang Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
16	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 16 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Kampung Perepat, Taman Perepat Indah Taman Tasik Sementa, Rakan Muda, Taman Klang Perdana, Taman Seri Sementa, Kg Sementa, Taman Sementa Utama Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					33	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 33 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Kampung Sungai Udang, Jalan Yadi, Telok Gadong Kecil, Kampung Delek Dalam, Kampung Delek Kiri Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
17	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 17 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Sementa Jaya, Jalan Sementa Permai, Jalan Sementa Indah, Taman Kelana 12, Taman Kelana 19, Jalan Keretapi Lama, Jalan Wan Hassan, Jalan Pengkalan Nelayan Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)					34	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 34 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Kampung Delek Baru, Kg Delek Kanan, Kg Delek Kiri, Kg Delek Dalam, Jalan Jepun Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
						35	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 35 Kerja-Kerja Perkhidmatan kutipan sampah domestik di kawasan kampung Raja Uda, Jalan Mohd Yamin, Taman Sri Gadong Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
						36	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 36 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Pelabuhan Klang, Persiaran Raja Muda Musa, Jalan Tengku Badar, Jalan Pelabuhan Klang Utara, Taman Kem, Flat seri Berembang, Taman Teluk Gedung Indah (Jalan Sungai Sama Gagah) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				

Bil.	Butiran Nombor Tender & Nama Tender	Tarikh Mula Kerja	Harga Dokumen Bagi Setiap Set	Tempoh Jualan Dokumen	Tarikh Tutup
37	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 37 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Kampung Baru Pandamaran, Pasar Pandamaran, Apartment Klang Villa, Komplek Sukan Pandamaran Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)	1 Oktober 2023	RM212.00 (Termasuk 6% SST)	Jam 9.00 pagi, 04 September 2023 hingga jam 6.00 petang, 05 September 2023	11 September 2023 (Sebelum jam 6.00 petang)
38	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 38 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Chi Liung, Flat Chi Liung, Kampung Baru Pandamaran Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
39	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 39 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Kawasan Taman Bayu Perdana, Flat Bayu Perdana, Flat Sri Angkasa, Taman Telok Gadong Besar, Taman Bayu Emas Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
40	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 40 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Razi, Taman Palm Grove, Taman Petaling, Taman Selatan, Taman Chi Liung, Kuarters Hospital Tengku Ampuan Rahimah Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
41	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 41 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Komersial Bandar Bukit Tinggi 1 (Jalan Batu Nilam) Dan Kawasan Komersial Bayu Tinggi, Kawasan Perumahan Jalan Sentosa 6, Sebahagian Kawasan Taman Bayu Perdana Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
42	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 42 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Perumahan Bandar Bukit Tinggi 1, Flat Bandar Bukit Tinggi 1 Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
43	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 43 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Pandamaran Jaya, Taman Ehsan Jaya, Jalan Ehsan Perdana, Jalan Perusahaan Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
44	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 44 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Kampung Idaman, Pendar Indah 1 dan 2, Jalan Selat Selatan 21-24, One Kesas Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
45	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 45 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Bandar Bukit Tinggi 2 (Jalan Batu Nilam 20, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
46	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 46 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di kawasan Bandar Bukit Tinggi 2 (Jalan Batu Nilam 17, 18, 19, 21, 22, 23, 24, 25, 26) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
47	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 47 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Bandar Botanik (Pangsapuri Palma, Pangsapuri Akasia, dan Pangsapuri Kasuarina), Klinik Kesihatan Bandar Botanik Dan Kawasan Sekitar Seperti di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
48	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 48 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Teluk Gedong Indah, Kota Pendar, Taman Selat Selatan, Taman Perindustrian Pandamaran Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
49	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 49 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Telok Gong, Kampung Hamid Tuah, Kampung Perajurit, Kampung Nelayan, Pangsapuri Nelayan, Glenmarie Cove, Pasar Telok Gong Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
50	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 50 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Kawasan Pulau Indah, Kampung Sg. Kembong, Kampung Telok Nipah, Kampung Sg. Pinang, Jalan Dato Hormat, Jalan Dato Ahmad Razali, Jalan Tan Sri Mohd Taib, Jalan Imam Haji Ali, Taman Laguna Park Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
51	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 51 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Kawasan Pulau Indah, Kampung Perigi Nenas, Kampung Sg. Pinang, Jalan Imam Yusuf, Persiaran Masjid Sultan, Jalan Dato Harun, Jalan Imam Jaafar, Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
52	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 52 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Pulau Indah (Bandar Armada Putera, Markas Polis Marin Pelabuhan Barat), Kawasan Industri Fasa 2, Industri Fasa 1, Flat Bahtera, Flat Sri Bayu, Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
53	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 53 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Sebahagian Pusat Bandar Klang (Selatan Sungai Klang), Balai Polis Klang, Balai Polis Trafik, Jalan Istana, Kuarters Istana, Mahkamah Seksyen Klang Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
54	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 54 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Kampung Jawa, Kampung Datuk Dagang, Taman Jati Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
55	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 55 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Taman Seri Andalas (Jalan Seri Damak, Jalan Seri Banang, Jalan Seri Tanjung), Kampung Jawa, Lorong Haji Abdul Razak Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
56	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 56 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Taman Seri Andalas (Jalan Seri Sarawak, Jalan Seri Mersing, Jalan Seri Siantan, Jalan Seri Sedeli) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
57	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 57 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Klang Jaya, Taman Desawan Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				

Bil.	Butiran Nombor Tender & Nama Tender	Tarikh Mula Kerja	Harga Dokumen Bagi Setiap Set	Tempoh Jualan Dokumen	Tarikh Tutup
58	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 58 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Taman Raja Nong, Taman Menara Maju (Jalan Manickavasagam, Jalan Zainur Rashid, Jalan Bentara, Jalan Dayang, Jalan Puteri), Taman Sejati 5, Taman Saujana, Taman Sri Mewah, Taman Klang Ria, Jalan Rebana, Jalan Sungai Jati, Jalan Haji Abdul karim, Jalan Gendang Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)	1 Oktober 2023	RM212.00 (Termasuk 6% SST)	Jam 9.00 pagi, 04 September 2023 hingga jam 6.00 petang, 05 September 2023	11 September 2023 (Sebelum jam 6.00 petang)
59	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 59 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Taman Mesra (Jalan Samarinda), Jalan Bendahara 16, Jalan Bendahara 23-24 Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
60	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 60 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Taman Sentosa (Jalan Bendahara 1-55), Jalan Sungai Jati Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
61	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 61 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Taman Sentosa (Jalan Dato Yusof Sahabuddin 1-45), Apartment Villa Sentosa, Jalan Sungai Jati Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
62	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 62 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Taman Sentosa (Jalan Temenggung 1-43), Kondominium Golden Villa, Pangsapuri Perdana Villa, Kampung Batu 4, Jalan Kebun, Jalan Sungai Jati Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
63	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 63 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Taman Sentosa (Jalan Laksamana 1-31, Jalan Hulubalang 8-37, Jalan Sungai Jati, Jalan Kebun Nenas) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
64	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 64 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Taman Sentosa (Jalan Dato Dagang 1-25, Jalan Dato Abdul Hamid 1-17, Impian Sentosa Apartment, Jalan Kebun Nenas Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
65	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 65 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Taman Sentosa (Jalan Dato Dagang 25-52, Jalan Dato Abdul Hamid 18-65), Jalan Kebun Nenas Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
66	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 66 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Bandar Puteri Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
67	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 67 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Bandar Putera, Flat Sri Ayu, Taman Camelia, Kawasan Industri Sri Gambut, Jalan Kebun Nenas, Taman Bandar Putera 2, Jalan Rajion, Jalan Kebun Tambahan Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
68	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 68 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Kampung Johan Setia, Taman Setia Permai, Taman Setia, Jalan Sopan, Jalan Pemurah Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
69	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 69 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Sebahagian Bandar Botanik (Jalan Remia, Jalan Mahogani, Jalan Kasuarina, Jalan Resak) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
70	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 70 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Kawasan Kampung Pendar, Kota Bayu Emas, Bayu Laut Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
72	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 71 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Di Bandar Parkland, Bandar Bestari, Kampung Air Hitam, Sempadan Batu Tujuh Kg Sijangkang, IKS Jalan Permata Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
73	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 72 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Bagi Tarikan Tong RORO di Kuarters Polis Bandar Baru Andalas, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Port Klang Free Zone (PKFZ), Pelabuhan Barat (West Port) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
72	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 73 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Bagi Tarikan Tong RORO Di Kompleks Pasar Besar Jalan Meru, Klang Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
74	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 74 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Bagi Tarikan Tong RORO Di Pangsapuri Bukit Kuda Dan Pelangi Court, Jalan Pekan Baru Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				
75	KDEBWM/MPK/KDK-01/10/2023: ZON KDK 75 Kerja-Kerja Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Bagi Tarikan Tong Roro Di Pasar Pelabuhan Klang, Kuarters Kastam Pelabuhan Klang, Pelabuhan Utara (North Port), Pelabuhan Selatan (South Port) Dan Kawasan Sekitar Seperti Di Dalam Peta. (Yang Termasuk Di Dalam Kiraan Inventori)				

Tawaran ini dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian. Pembida perlu melayari laman sesawang "www.kdebwm.com" untuk mendapatkan akses masuk ke dalam Sistem Tender Atas Talian (STAT) dan seterusnya membuat pilihan borang tender mengikut nombor dan nama tender seperti di atas. Pembida perlu menyediakan dan memuatnaik Salinan Sijil Pendaftaran KKM, Salinan SSM, Salinan Resit Pendaftaran Kontraktor Selangor yang masih sah serta dokumen sokongan yang diperlukan dan membuat pembayaran secara atas talian bagi akses muat turun borang tender. Pembayaran perlu dibuat secara atas talian dengan nilai seperti tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan.

Borang tender serta dokumen sokongan yang telah lengkap perlu dimuat naik secara atas talian pada STAT sebelum atau pada tarikh tutup dan masa yang ditetapkan bagi mengelakkan tawaran tender anda **DITOLAK**.

Nota: Sila pastikan semua maklumat syarikat dan dokumen sokongan yang dimuat naik telah dilengkapkan di dalam Sistem Tender Atas Talian (STAT) melalui laman sesawang "www.kdebwm.com". Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, sila hubungi talian 0193622359 atau emel: tender@kdebwm.com untuk maklumat berkaitan penjualan tender.

Lebih RM10 juta perkasakan pendidikan

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pejabat Menterian) atau MBI memperuntuk lebih RM10 juta kepada pelajar dan pengurusan sekolah bagi memperkasakan sektor pendidikan negeri.

Ketua tanggungjawab sosial korporatnya berkata ia merangkumi pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat Selangor, bantuan Kembali ke Sekolah selain sumbangan infrastruktur.

"Tahun ini kita serahkan sumbangan RM1,000 kepada masing-masing 930 sekolah menengah dan rendah untuk program pengurusan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

"Sumbangan boleh diguna untuk membiayai mesyuarat, bayaran elaun atau perkara lain," kata Ahmad Azri Zainal Nor pada 23 Ogos.

Senggara sistem saliran, elak bah

SHAH ALAM - Banjir sekitar Batu 18, Hulu Langat disebabkan sistem perparitan yang tidak disenggara, kata Datuk Johan Abd Aziz.

Wakil rakyat Dusun Tua itu menjelaskan penyelenggaraan penting bagi memastikan saliran lancar memandangkan pembentung sedia ada tidak lebar.

"Jabatan Kerja Raya perlu memantau semula setiap sistem perparitan ini. Pembentung yang ada hanya tiga kaki sahaja dan mungkin terdapat lumpur banjir sebelum ini yang menjadi punca ia tidak begitu lancar," katanya pada 25 Ogos.

LZS bantu keluarga nahas pesawat

SHAH ALAM - Keluarga pemandu Grab Sharipuddin Shaari yang maut dalam nahas pesawat di Lebuhraya Guthrie berhampiran Bandar Elmina didaftar sebagai asnaf.

Menurut Lembaga Zakat Selangor (LZS), keluarga berkenaan bakal menerima bantuan bulanan berbentuk kewangan, sewa rumah, makanan dan persekolahan anak.

"Isteri arwah yang juga suri rumah

sepenuh masa turut menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada pengeluar zakat atas keprihatinan ini," kata kenyataan di Facebook pada 23 Ogos.

Sementara itu, LZS turut memaklumkan pihaknya juga sedia membantu keluarga juruterbang Heikal Aras Abdul Azim yang turut terkorban dalam insiden sama.

"Kami difahamkan oleh bapa mangsa

bahawa mangsa juga pernah menerima bantuan LZS disebabkan hilang pekerjaan ketika pandemik Covid-19.

"Kami sentiasa bersedia menghulur bantuan keperluan hidup terutama ke-langsungan pendidikan anak arwah," katanya.

Sharipuddin, 53, antara 10 mangsa nahas pesawat Beechcraft Model 390 (Premier 1) termasuk EXCO Kerajaan Pahang Datuk Seri Johari Harun pada 17 Ogos.

Ganda usaha tingkat prestasi atlet

Selangor sasar juara SUKMA 2024

Oleh **AMIRUL FAZLI**

SHAH ALAM - Selangor terus mengandakan usaha mempersiapkan atlet bagi menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak tahun depan.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata pihaknya menyoal kejuaraan kesepuluh temasya berkenaan selepas kali terakhir menang pada 2016.

"Saya mendapat taklimat berkenaan

persiapan kontinjen dan akan menambah baik persediaan para atlet kita dari semasa ke semasa.

"Kita pernah menjadi juara keseluruhan SUKMA Sarawak pada 2016 dan berharap kali ini akan merampas kembali juara keseluruhan tersebut," katanya di Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri pada 24 Ogos.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis penyerahan tugas portfolio Belia dan Sukan daripada mantan EXCO Mohd Khairuddin Othman.


Mengenai portfolio yang disandanginya, wakil rakyat Kota Anggerik itu

teknik meneroka potensi dan perkembangan semasa dalam memperkasakan belia serta sukan negeri ini.

"Kita sedia maklum teras asas portfolio ini adalah sukan dan juga pembangunan belia dan pada masa ini cabarannya agak berbeza kerana apabila kita sebut sahaja belia ia tidak semestinya dikaitkan dengan sukan semata-mata.

"Jadi saya perlu melihat skop yang lebih besar seperti kerjaya, pendidikan dan ekonomi," katanya.

Selangor muncul juara SUKMA di Sarawak pada 2016 apabila meraih 59 emas, 73 perak dan 63 gangsa.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/PK/12/2023 PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN FOTOSTAT DI JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR	Terbuka	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Kod Bidang • 222010 (Perkhidmatan Fotostat) Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Kaunter Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. 07th September 2023 hingga 28th September 2023	RM100.00 Pengaruh Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/)	Peti Tender, Bhg. Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. 28th September 2023 (KHAMIS) Jam 12.00 tengahari
Taklimat adalah DIWAJIBKAN pada 6 September 2023 (Rabu) Masa: 10.00 pagi . Tempat Berkumpul: Bilik Mesyuarat Bahagian Perkhidmatan Mekanikal & Elektrikal, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Jalan Sepat 17/57 Seksyen 17 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.						
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/P/SEL/S/8/2023 RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI KAYU ARA, DAERAH PETALING, SELANGOR	Terbuka	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. Gred : G7 Kategori : CE & M Pengkhususan: CE 21, CE 36 & M 15 Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Kaunter Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. 12th September 2023 hingga 03th Oktober 2023	RM950.00 Pengaruh Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/)	Peti Tender, Bhg. Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. 03th Oktober 2023 (SELASA) Jam 12.00 tengahari
Taklimat dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN pada 11 September 2023 (Isnin) Jam 10.00 pagi bertempat di Dewan Kenanga, Pejabat Kerajaan Daerah Petaling, No. 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan						
Lawatan Tapak Adalah DIWAJIBKAN kepada PENAMA di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPJK atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akuian Pendaftaran Syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat TIDAK BOLEH mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Akuian Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.						

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan pada waktu **9.00 pagi** hingga **3.30 petang** sahaja. Salinan resit pembelian hendaklah dilampirkan semasa pengambilan dokumen tender. Sila patuhi **SOP** yang telah ditetapkan semasa proses pengambilan dokumen tender.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **SJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PENDAFTARAN UPENS SERTA SUJIL TARAF BUMIPUTERA PPK** jika berkenaan dan satu **SALINAN** bagi siji-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Petender boleh menyemak Jadwal Tender yang akan dipaparkan di dalam website Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor selewat-lewatnya Tujuh (7) hari dari tarikh tutup tender.

Pinjaman komputer riba

SHAH ALAM - Seramai 16 pelajar sekolah dan universiti di Parlimen Ampang menerima pinjaman komputer riba dan komputer meja (desktop) secara percuma.

Wakil rakyat Rodziah Ismail memaklumkan inisiatif berkenaan dilaksanakan menerusi program pinjaman peranti elektronik anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

"Program ini dapat bantu rakyat yang benar-benar memerlukan dan saya harap usaha ini dapat diteruskan bagi membantu mereka," katanya di

Facebook pada 27 Ogos.

Beliau menambah pihaknya mengalu-alukan mereka yang memerlukan perkakasan sedemikian supaya ke Pusat Khidmat Parlimen Ampang bagi memohon bantuan.

"Apa yang penting kita tidak mahu mereka tertinggal dalam bidang digital dan terus mundur dalam banyak perkara," katanya.

PPAS sebelum ini memaklumkan program pinjaman komputer riba dan desktop dilaksanakan di 50 perpustakaan awam Selangor terpilih.

Mais agih kutipan fidyah

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) mengagih RM106,708 kutipan fidyah kepada 721 penerima di Hulu Langat, Kuala Selangor dan Klang pada 25 Ogos.

Agensi itu memaklumkan agihan di tujuh tempat dalam bentuk kotak makanan asas bernilai RM148 bagi setiap keluarga.

"Bantuan fidyah Mais berupa set makanan kering seperti beras, minyak

masak, mihun, gula, tepung gandum, kicap manis, sardin dan susu pekat manis," kata kenyataan menerusi Facebook.

Program itu dijayakan dengan kerjasama rakan strategik agihan fidyah Mais antaranya Masjid Taman Cheras Jaya, Sekolah Menengah Kebangsaan Jeram, Persatuan Pengajian Al-Quran dan Al-Hadis OKU Pendengaran Selangor.

Tawar perkakas kediaman berjenama

PKNS sasar bina 5,000 unit rumah

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yakin sasaran membina 5,000 unit rumah melalui enam projek seluruh negeri mampu dicapai menjelang akhir tahun ini.

Timbalan ketua pegawai eksekutif (pengurusan dan keusahawanan) berkata beberapa projek yang dilancar seperti Residensi Advena, Shah Alam dan Puteri Ariana, Gombak kini dalam fasa pembinaan.

"Alhamdulillah, pembinaan projek rumah teres dua tingkat termasuk pangsapuri yang dilancar PKNS sudah bermula dan berjalan agak baik.

"Daripada segi jualan pula lihat kepada projek. Misalnya rumah teres dua tingkat di Puteri Ariana, 70 peratus da-

ripada 72 unit sudah terjual setakat ini," kata Suhaimi Kasdon pada 26 Ogos.

Ditemui dalam pelancaran program 'Home Buyer' di Kompleks PKNS, beliau turut memaklumkan projek pembinaan rumah di Antara Gapi, Serendah, Hulu Selangor akan dilancar pada Oktober.

Pada 1 Mei, Suhaimi menyasar nilai pembangunan kasar (GDV) kira-kira RM1 bilion bagi enam projek perumahan hartanah baharu sehingga akhir tahun ini di beberapa lokasi antaranya Shah Alam, Kota Puteri, Kuala Selangor, Antara Gapi dan Selangor Cyber Valley.

Sementara itu, pembeli hartanah PKNS berpeluang menikmati diskaun lima hingga 25 peratus bagi produk perkakas rumah keluaran Samsung.

Suhaimi berkata tawaran eksklusif itu bermula 1 Oktober bagi menghar-

gai pembeli yang menyokong projek pembangunan PKNS.

"Kita sedia membantu mereka yang sedang merancang membeli rumah. Pembeli bukan sahaja bakal dapat memiliki rumah tetapi berpeluang menggunakan produk Samsung dengan kualiti terbaik.

"Mereka yang bertuah akan dapat potongan harga mengikut produk tertentu seperti televisyen, mesin basuh, peti ais dan ketuhar," katanya.

Beliau berkata PKNS turut menawarkan pakej hiasan dapur seperti kabinet serendah RM5,900 kepada pembeli sedia ada dan baharu sempena program itu.

Pembeli boleh melayari laman sesawang www.pknshomebuyers.my bagi mengetahui lebih lanjut berhubung tawaran itu.

Program promosi gamit minat pembeli

SHAH ALAM - Kempen Discover Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) diyakini memberi dampak positif terhadap hasil jualan hartanah.

Timbalan ketua pegawai eksekutif (pengurusan dan keusahawanan) berkata program promosi dan jualan sempena ulang tahun ke-59 perbadanan itu mampu menarik minat orang ramai khususnya pembeli baharu.

Suhaimi Kasdon mengakui banyak pembeli berpotensi diperoleh sepanjang pengumuman di Kota Puteri, Antara Gapi dan Bangi sebelum ini.

"Kita akan buat 'follow up' (susulan) dengan mereka bagi memastikan produk hartanah PKNS dapat dijual," katanya selepas pelancaran program 'Home Buyer' di Kompleks PKNS di sini pada 26 Ogos.

Kempen itu diadakan serentak dengan program pameran yang mengetengahkan projek hartanah seperti Residensi Advena, Shah Alam dan Puteri Ariana, Gombak.

Kempen itu menyajikan pelbagai aktiviti antaranya cabutan bertuah, pertandingan TikTok, puisi Hari Kebangsaan, mewarna Jalur Gemilang dan persembahan artis jemputan.

Kempen terakhir diadakan di Stadium Shah Alam pada 28 dan 29 Oktober.

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke-66

Di hari yang bersejarah ini, semoga kita terus bersatu padu membangun negara yang kita cintai ini. Merdeka!

Ikhlas daripada seluruh warga kerja Sidec

sidec.com.my

[@sidecmy](#)

Logos for Sidec (Chase Your Dreams) and Malaysia Madani are visible in the top right corner of the banner.

6 juta rakyat nikmati insuran percuma

4

Susun semula lebih guru Kafa

9

SAS sasar transaksi niaga RM700 juta

6

Kompleks sukan mercu tanda baharu Klang

19

selangorkini

Selangor sasar juara SUKMA 2024

22

Porsche latih lima juruteknik muda

SHAH ALAM - Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan berangkat ke majlis pelancaran program kerjasama permotoran antara Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) dan Persona Energy Sdn Bhd.

Program Perantisan Pemandangan Teknologi (TTAP) diasaskan oleh Jazeman Jaafar itu menyaksikan lima juruteknik muda dari Selangor ditaja untuk menjalani latihan selama enam bulan bersama Porsche semasa berlangsungnya Piala Porsche Carrera Asia 2023.

"Kerjasama ini menunjukkan bahawa perantis khususnya belia Selangor boleh berkembang maju dalam industri automotif dan sukan permotoran melalui sistem piramid yang dibangunkan dengan kerjasama Porsche Motorsport Asia Pacific.

"Ia juga menandakan komitmen berterusan bagi membangunkan modal insan dan memupuk ekosistem yang mampan dalam sukan permotoran untuk generasi akan datang," tulis Selangor Royal Office di Facebook pada 26 Ogos.

Diskaun 15 peratus buku merdeka

SHAH ALAM - Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) menawarkan diskaun 15 peratus untuk sembilan buku terpilih sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-66.

Menurut IBDE, sembilan buku istimewa yang mengangkat tema kemerdekaan itu boleh didapati di semua rangkaian jualan sehingga 8 September ini.

Sembilan buku merdeka itu adalah Perang Anjing Suruhan, Tunku Kelana Penuh Cinta, Nekad Dato' Onn, Sejarah Selangor dan Muslihat Mahathir.

Majlis makan malam kutip dana

SHAH ALAM - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) menganjurkan majlis makan malam amal pada 17 September bagi mengumpul dana pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah, Klang.

Agensi itu memaklumkan, tiket Malam AgungNya Cinta 2023 yang dimeriahkan dengan pelbagai acara dan persembahan menarik dijual pada harga RM499.

"Antara persembahan termasuk penceritaan kisah hidup Nabi Muhammad yang juga anak yatim disampaikan ikon Mahabbah Yide, Ustaz Don Daniyal Don Biyajid dan Pencetus Ummah Akram.

"Selain itu, persembahan oleh kumpulan nasyid popular tanah air seperti Hijjaz, Unic dan Naim Daniel," katanya di Facebook pada 26 Ogos.



SEMANGAT... Sebahagian peserta dalam raptai sambutan Hari Kebangsaan ke-66 peringkat negeri di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam pada 29 Ogos. Sebanyak 65 kontinjen daripada pelbagai agensi menyertai sesi perbarisan dan perarakan. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Manfaat RM100 ringan beban ibu bapa

Daftar insentif taska mulai 1 September

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Permohonan Insentif Yuran Pendaftaran Taska (Pintas) sekali bayar bernilai RM100 dibuka mulai 1 September ini, maklum EXCO pembangunan wanita dan kebajikan masyarakat.

Anfaal Saari berkata insentif baharu kelolaan Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) boleh dimohon ibu bapa berpendapatan isi rumah antara RM5,001 hingga RM8,000.

"Moga dengan inisiatif ini dapat mengurangkan tanggungan ibu bapa yang bekerja dan memastikan anak-anak

mendapat penjagaan serta perhatian secukupnya sejak kecil," tulisnya di laman X pada 28 Ogos.

Sementara itu, Yawas memberitahu permohonan terhadap kepada dua anak usia bawah empat tahun untuk satu keluarga, bukan penerima bantuan Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar) selain taska berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Selangor.

"Syarat permohonan lain ialah pemohon dalam kalangan ibu bapa mestilah warganegara Malaysia, pengundi Selangor, menetap di negeri ini

dan sedang bekerja," katanya.

Permohonan dalam talian melalui pautan pintas.yawas.com.my dengan menyertakan beberapa dokumen dalam tempoh 21 hari selepas pendaftaran.

Antaranya salinan sijil kelahiran anak, kad pengenalan pemohon, daftar pengundi, penyata gaji terkini pemohon dan pasangan.

Selain itu, salinan akaun bank, surat akuan berkanun atau sijil anak angka serta resit pembayaran yuran pendaftaran taska bagi kemasukan 2023

Tahun lalu, Kerajaan negeri mengumumkan inisiatif berkenaan untuk golongan berpendapatan sederhana dengan dana keseluruhan RM500,000.

RM10,000 juara liga bola tampar

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menganjurkan Liga Bola Tampar Jemputan mulai 12 hingga 17 September ini, di Dewan Bola Tampar Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Seksyen 4 di sini.

Pengurus Besar Kanan Pentadbirannya Saharom Mohni berkata pertandingan julung kali itu menampilkan

lapan pasukan.

"Kejohanan ini merupakan medium terbaik bagi pemain untuk menunjukkan kebolehan agar terpilih untuk bermain dengan pasukan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

"Penganjuran ini juga secara tidak langsung membantu mempromosi nama PKNS kepada masyarakat bukan

sahaja di Selangor malah di seluruh negara," katanya pada 28 Ogos.

Pertandingan secara liga berkumpulan itu menggunakan format lima set terbaik dengan kiraan 25 mata.

Kejohanan dengan kerjasama Persatuan Bola Tampar Malaysia dan MBSA menawarkan hadiah keseluruhan sehingga RM20,500.